



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS: 16 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.3, NO.10 HINGGA NO. 68)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

NO. SOALAN : 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHAYA [TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 3

YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat Januari 2017 berapakah jumlah unit kediaman PR1MA telah berjaya dijual berdasarkan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan sejak diperkenalkan dan apakah bentuk inovasi-inovasi baru yang dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti dan harga.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 4,243 unit kediaman PR1MA telah dijual di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak projek dibuka dan dilancarkan kelak. Selain itu bagi meningkatkan jualan, PR1MA sedang mengadakan beberapa siri program Hari Terbuka yang menjelajahi seluruh Malaysia. Program ini berkonsepkan pusat sehenti yang menyediakan perkhidmatan secara langsung kepada rakyat bagi urusan pembelian kediaman PR1MA.

Semasa Hari Terbuka PR1MA, pembeli boleh membuat semakan syarat kelayakan, laporan kredit CTOS, Pinjaman Tabung Pendidikan (PTPTN) serta kelayakan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan. Selain itu, pembeli yang berminat boleh membeli kediaman PR1MA dan terus menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) semasa program tersebut.

Berkenaan usaha mempertingkatkan kualiti kediaman, PR1MA menerapkan *Industrialised Building System* (IBS) bagi pembangunannya. Dalam melaksanakan sistem ini, PR1MA menggunakan kaedah inovatif dengan menyediakan satu ekosistem IBS yang lengkap. Ekosistem ini mengambil kira tempoh pembinaan yang singkat, penggunaan kos yang optimum dan kualiti kediaman yang terjamin. Tempoh pembinaan projek dapat dipendekkan sehingga 40% berbanding sistem konvensional. Sebagai perbandingan, PR1MA mampu menyediakan 2 buah unit kediaman contoh dalam tempoh 60 hari. Manakala sekiranya sistem konvensional digunakan, tempoh pembinaan tersebut memakan masa antara 3 – 6 bulan untuk disiapkan. Pada masa ini, sebanyak 18,919 unit kediaman PR1MA sedang dibangunkan menggunakan sistem tersebut. PR1MA menjangkakan lebih banyak projek-projeknya yang akan menggunakan kaedah inovatif ini di masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 16 MAC 2017 [KHAMIS]
SOALAN : 10

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sumbangan besar Pusat Teknologi Nano kepada perkembangan Sains dan Teknologi dan Pembangunan Industri Negara

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari akan penguasaan teknologi nano oleh negara-negara utama perindustrian, adalah penting bagi negara untuk mengambil tindakan strategik bagi turut sama menguasai nanoteknologi dalam menjamin kemampunan dan daya saing ekonomi. Nanoteknologi menjadi salah satu penggerak utama menyumbang kepada letusan Revolusi Industri 4.0 yang sedang berlaku yang turut disumbang oleh teknologi maklumat dan komunikasi, mikroelektronik dan robotik.

Menyedari hakikat itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang merupakan kementerian peneraju bagi pembangunan nanoteknologi negara telah menaik taraf Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan dengan menubuhkan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan

pada 3 Oktober 2016. Mandat utama pusat ini adalah untuk merangka dan melaksanakan pelan tindakan strategik bagi menggerakkan inisiatif pembangunan nanoteknologi negara. Inisiatif Nanoteknologi Negara dirangka bertujuan menyediakan persekitaran kondusif untuk memacu Malaysia dalam pembangunan aplikasi nanoteknologi dan pengkomersialan. Ia turut menjelaskan sokongan dan iltizam Kerajaan dalam mempercepatkan kemajuan pembangunan nanoteknologi tempatan untuk menghasilkan produk yang berfaedah yang menyumbang kepada masyarakat dan alam sekitar.

Pusat Nanoteknologi Kebangsaan memainkan peranan penting terutamanya dalam penetapan hala tuju penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kawal selia keselamatan nanoteknologi selari dengan perkembangan sains dan teknologi terkini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, pihak Pusat Nanoteknologi Kebangsaan juga melaksanakan **Kajian Penentuan Penanda Aras Risiko Keselamatan Bahan dan Produk Nano** untuk tempoh dari 2016-2020. Kajian tersebut melibatkan kajian dan pengujian ke atas bahan dan produk menggunakan bahan nano untuk menentukan tahap keselamatan produk-produk berkenaan terhadap orang awam serta kesan kepada alam sekitar.

Selain itu bagi penilaian dan pemantauan projek R&D, bilangan projek yang diluluskan dan dipantau oleh Pusat Nanoteknologi termasuk *nanocellulose* dan *graphene*, ialah sebanyak 24 projek ScienceFund,

berjumlah RM4.9 juta dan bagi projek TechnoFund, sebanyak empat (4) projek telah diluluskan berjumlah RM7.99 juta.

Pusat Nanoteknologi Kebangsaan juga telah melaksanakan Program Pusat kecemerlangan, dengan menyokong dan mengiktiraf lima (5) Pusat Nano yang berperanan menerajui penyelidikan dan pembangunan modal insan bidang nanoteknologi. Pusat Kecemerlangan tersebut ialah *Institute of Microengineering and Nanoelectronics (IMEN)*, *UKM*, *Centre of Innovative Nanostructures and Nanodevices (COINN)*, *UTP*, *Institute of Nano Electronic Engineering (INEE)*, *UniMAP*, *Ibnu Sina Institute for Fundamental Science Studies*, *UTM* dan *Nanoelectronics Centre MIMOS Berhad*.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi merencanakan aktiviti-aktiviti pemindahan dan pelaburan teknologi serta pengkomersialan nanoteknologi, pada tahun 2011, Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan telah mengusulkan penubuhan sebuah syarikat CLG (Company Limited by Guarantee) iaitu NanoMalaysia Berhad yang dipersetujui oleh Majlis Inovasi Kebangsaan (National Innovation Council). Syarikat ini berperanan sebagai entiti perniagaan yang diamanahkan untuk memberi tumpuan kepada perancangan dan penyelarasan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan industri berkaitan nanoteknologi. Bidang tumpuan utama adalah seperti elektrik dan elektronik, makanan dan pertanian, tenaga dan alam sekitar serta kesihatan dan perubatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan menanggung segala kos pembelajaran kelas komputer bagi pelajar-pelajar sekolah rendah di mana pelajar-pelajar perlu membayar kos tersebut pada masa kini.; dan
- (b) sekiranya kelas komputer tersebut bukan merupakan subjek yang wajib dipelajari, wajarkah kelas tersebut dimasukkan dalam jadual kelas harian dan sekolah membenarkan syarikat swasta memberi perkhidmatan pembelajaran tersebut serta kos tersebut perlu dibiayai oleh pelajar-pelajar sendiri.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan kurikulum Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) untuk pembelajaran murid melalui pelaksanaan Modul TMK melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) yang dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan dan diajar oleh guru mata pelajaran di

sekolah. Pihak sekolah diberi peruntukan Geran Per Kapita (PCG) bagi tujuan pembelian barang habis guna untuk melaksanakan program tersebut dan KPM tidak mengenakan sebarang pembayaran untuk pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak sekolah boleh melaksanakan kelas komputer melalui penubuhan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah di bawah aktiviti kokurikulum dan boleh dikenakan bayaran berdasarkan surat pekeliling ikhtisas berikut:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 13/2007 Pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan dan Kemudahan di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan; dan
2. Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 8/2000 Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah.

Walau bagaimanapun, kelas komputer ini tidak boleh dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan.

SOALAN (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 MAC 2017 [KHAMIS]

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

SOALAN :

YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan perincian lengkap rancangan perbelanjaan pembangunan (capex) Kerajaan menurut kategori keselamatan, sosial, ekonomi dan pentadbiran am di bawah RMK11 terutama berkaitan infrastruktur, kemudahan awam, pengangkutan, komunikasi, perdagangan dan perindustrian, perumahan, pendidikan dan latihan, kesihatan, pertahanan dan keselamatan dalam negeri

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia ke-11 disediakan secara *Rolling Plan* (RP) dan disemak secara tahunan. Bagi RP2 (2017), sebanyak RM46,000 juta telah disediakan kepada semua kementerian untuk melaksanakan 4,464 projek pembangunan. Peruntukan ini meliputi 468 projek baru dengan peruntukan sebanyak RM6,660 juta dan 3,996 projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM39,340 juta.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM25,586 juta atau 55.6% diperuntukkan untuk Sektor Ekonomi terutamanya bagi membiayai projek-projek pengangkutan, perdagangan dan perindustrian serta tenaga dan kemudahan awam. Sektor Sosial pula diperuntukkan sebanyak RM12,411 juta atau 27.0% bagi membiayai projek-projek pelajaran dan latihan, kesihatan serta perumahan. Antara projek-projek di bawah sektor ekonomi adalah seperti berikut:

- i. Landasan Berkembar Ipoh – Padang Besar
- ii. Lebuhraya Pan Borneo

- iii. Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan;
- iv. Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay;
- v. Skim Pembedungan Beaufort; dan
- vi. Bekalan Air Raub.

Bagi sektor sosial pula, antara projek yang disenaraikan adalah:

- i. Politeknik Hulu Terengganu;
- ii. Pembinaan Hospital Padang Besar;
- iii. Membina Bangunan Wad Wanita & Kanak-Kanak Dan Multistorey Car Park Hospital Seremban; dan
- iv. Program Perumahan Rakyat Ketereh, Kelantan.

Baki peruntukan sebanyak RM8,002 juta diperuntukkan bagi Sektor Keselamatan dan Sektor Pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

16 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**
TARIKH : 16 MAC 2017
SOALAN :

YB Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang kementerian dalam menaik taraf fasiliti-fasiliti kesihatan sedia ada yang umumnya kita ketahui sebahagian besar klinik-klinik kesihatan, klinik-klinik desa ini telah dibina pada awal tahun 70an lagi dan masih beroperasi sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga Disember 2015 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 143 hospital dan institusi perubatan , 1,061 Klinik Kesihatan (termasuk klinik ibu dan anak) dan 1,808 Klinik Desa yang berlainan usia. Usaha-usaha menaiktaraf dan menggantikan fasiliti kesihatan tersebut dijalankan oleh KKM secara berterusan mengikut keperluan pada setiap Rancangan Malaysia selaras dengan status masing-masing yang mengambil kira faktor beban kerja, status fizikal dan peningkatan perkhidmatan. Diantara usaha-usaha menaik taraf yang dijalankan adalah seperti penggantian baharu klinik sedia ada,

pembinaan blok tambahan baharu, baik pulih dan ubah suai bangunan sedia ada, menaiktaraf sesuai dengan tahap perkhidmatan yang disediakan, sebagai contoh menaiktaraf dari Klinik Desa kepada Klinik Kesihatan. Selain itu Kementerian juga membina fasiliti kesihatan tambahan yang baharu bagi memperluaskan liputan dan meningkatkan akses penduduk terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Memandangkan keperluan ini melibatkan kos yang amat besar maka kerja-kerja atau projek bagi menaiktaraf kemudahan-kemudahan tersebut perlu dijalankan secara berperingkat selaras dengan peruntukan pembangunan yang disediakan kepada KKM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan tetap membina sekolah menengah di Kota Warisan dan jika ya, bila ianya akan mula dibina. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu kriteria perancangan pembangunan sekolah adalah menyediakan kemudahan pendidikan di kawasan yang padat penduduk. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), merancang pembinaan sekolah baharu peringkat rendah dan menengah bagi memenuhi keperluan pendidikan khususnya di kawasan-kawasan padat. Sehubungan dengan itu, KPM maklum tentang keperluan sekolah menengah di Taman Kota Warisan bagi menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan lengkap kepada masyarakat setempat. KPM telah merancang pembinaan sebuah sekolah menengah baharu di Taman Kota Warisan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN
KAWASAN : PARIT
TARIKH : 16 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa ramai pelatih Akademi Binaan Malaysia yang telah menceburkan diri dalam bidang pembinaan. Sejauh mana akademi ini telah berupaya untuk menyediakan tenaga kerja mahir tempatan dalam usaha Kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja warga asing dalam industri pembinaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menubuhkan Akademi Binaan Malaysia (ABM) sebagai sebahagian daripada skop pembangunan personel binaan di negara ini. Antara objektif ABM ini ialah untuk membentuk personel binaan mahir dan

separa mahir tempatan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing.

Pada masa kini terdapat 6 pusat ABM yang beroperasi di seluruh negara di mana sejak ditubuhkan pada tahun 1997 ia telah melahirkan hampir 300,000 personel binaan dan belia dalam pelbagai bidang kemahiran. Antara bidang latihan yang terlibat ialah Program Latihan Personel Binaan, Program Latihan Belia Lulusan Sekolah, Program Latihan Teknikal dan Pengurusan, Program Latihan dan Akreditasi Penyelia Tapak, Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan dan Program Akreditasi Pekerja Mahir Binaan. Melalui Program Akreditasi Pekerja Mahir Binaan, CIDB bukan sahaja telah melahirkan ramai tenaga kerja tempatan yang mahir dan separa mahir untuk pasaran tempatan, bahkan terdapat di kalangan mereka yang mendapat peluang pekerjaan di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat serius untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri pembinaan. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya menerusi CIDB telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan di negara ini. Ini termasuklah menggiatkan pembangunan kapasiti sumber manusia dalam industri pembinaan. Keseluruhan dasar atau hala tuju Kerajaan itu terkandung dalam Program Transformasi Industri Pembinaan atau 'Construction Industry Transformation Programme' (CITP), iaitu program transformasi sektor pembinaan negara yang sedang dilaksanakan dalam RMKe-11 (2016 - 2020).

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab 210 guru interim akan dihentikan jawatan mereka pada Mac. Adakah ini bercanggah dengan perjanjian autonomi pendidikan yang disetujui oleh Bekas Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem dan Perdana Menteri. Nyatakan bilangan guru Semenanjung yang dipindah untuk mengisi kekosongan pada tahun 2015, 2016 dan 2017, dan jelaskan bilangan guru agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan 210 guru interim di Sarawak tidak dilanjutkan selepas Mac 2017 disebabkan mereka tidak lulus temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) atau tidak hadir temuduga SPP. Langkah ini tidak bercanggah dengan perjanjian autonomi pendidikan kerana SPP adalah badan yang mengawal kualiti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mengambil berat tentang pengisian kekosongan guru-guru dengan memastikan hanya guru yang cemerlang dan berkualiti diserap masuk sebagai guru tetap di dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Walau bagaimanapun, peluang bagi menghadiri temuduga kali kedua akan diberikan kepada guru-guru interim yang ditempatkan di sekolah menengah di negeri Sarawak yang gagal temu duga kali pertama dengan memberikan pelanjutan kepada tempoh perkhidmatan interim mereka.

Manakala bagi perpindahan guru dari Sarawak ke Semenanjung, KPM telah meluluskan pertukaran sebanyak 668 orang guru pada tahun 2015 dan sebanyak 1,701 orang guru pada tahun 2016. Ini menjadikan jumlah guru dari Sarawak yang diluluskan perpindahan ke Semenanjung bagi tempoh dua tahun tersebut ialah 2,369. Daripada jumlah tersebut, seramai 233 orang guru agama dipindahkan.

RJM48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2017

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM), setakat mana paras rizab semasa dapat membiayai import tertanggung dan hutang luar negara Malaysia dan setakat mana BNM meningkatkan rizabnya sejak kerugian pertukaran asing pada 1992/1993 dan krisis kewangan Asia pada 1998.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM426.3 bilion atau USD95.0 bilion pada 28 Februari 2017 dan telah meningkat sebanyak RM2.1 bilion berbanding RM424.2 bilion pada akhir tahun 2016. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.5

bulan, jauh lebih tinggi berbanding dengan nilai ambang (*treshold*) antarabangsa iaitu 3 bulan. Kedudukan rizab yang kukuh ini juga memadai untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.1 kali.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, paras rizab sehingga 28 Februari 2017 adalah 3.4 kali lebih tinggi berbanding rizab pada akhir 1993 (USD28.3 bilion) dan 4.7 kali lebih tinggi semasa krisis Kewangan Asia 1997/1998 sebanyak USD20.3 bilion (Ogos 1998).

3. Peningkatan rizab ini didorong oleh lebihan imbalan pembayaran yang tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta aliran masuk dana portfolio jangka pendek. Namun, aliran dana terutamanya dana portfolio bukan merupakan bahagian rizab yang kekal dan mempunyai kemungkinan mengalir keluar apabila sentimen pelabur berubah, yang mungkin dicetuskan oleh perkembangan ekonomi global, serantau atau dalam negeri.

4. Selain itu, turun naik paras rizab antarabangsa dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya keadaan semasa pasaran kewangan global, jumlah aliran masuk pelaburan langsung (FDI) dan portfolio serta prestasi perdagangan. Selain itu, rizab antarabangsa juga dijangka meningkat apabila pasaran matawang ringgit stabil kerana ia akan meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk membawa aliran masuk dana dalam negara.

5. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia sebagai penampan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menjadi penampan bagi memenuhi obligasi luaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di negeri Pulau Pinang kini dan nyatakan jumlah pelajar yang berdaftar di sekolah-sekolah tersebut dan bentuk-bentuk bantuan yang disalurkan bagi membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Pulau Pinang sehingga kini adalah sebanyak 28 buah sekolah. Jumlah keseluruhan murid berdaftar di 28 buah sekolah tersebut adalah seramai 5,224 orang.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyalurkan Bantuan Persekolahan kepada semua Sekolah Kerajaan dan juga Sekolah Bantuan Kerajaan termasuk semua SJKT di Pulau Pinang berdasarkan enrolmen murid. Peruntukan yang diluluskan adalah bagi tujuan pengukuhan proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan penglibatan murid dalam

aktiviti sukan/permainan dan kokurikulum serta pembangunan sahsiah diri murid melalui beberapa jenis bantuan seperti berikut:

1. Bantuan Geran Per Kapita.
2. Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah.
3. Bantuan Makanan Prasekolah.
4. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan yang merangkumi Bantuan Kokurikulum, Yuran Khas Sekolah, Yuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia dan Insurans Takaful.
5. Bantuan Sukan Sekolah khas bagi menyokong dasar 1Murid 1Sukan.

Di samping bantuan-bantuan tersebut, terdapat juga Bantuan Khusus yang disalurkan kepada murid-murid yang cemerlang dalam bidang akademik atau sukan di mana pendapatan isi rumah mereka adalah pada paras miskin/miskin tegar. Murid-murid orang kurang upaya (OKU) yang mempunyai kad OKU juga diberikan elaun bagi menampung beban kos ibubapa mereka. Antara bantuan khusus yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Sukan, Elaun Murid Berkeperluan Khas' Rancangan Makanan Tambahan 1 Malaysia, Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform; Bantuan Jaket Keselamatan

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 16.3.2017 (KHAMIS)

SOALAN : 19

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat manakah kejayaan projek menangani kemiskinan melalui projek ladang getah yang dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah di Kanibongan, Pitas berjaya meningkatkan tahap sosio ekonomi peserta dan berapakah purata pendapatan dan kemudahan lain yang mereka perolehi. Adakah tanah ini diserahkan kepada peneroka tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Projek Khas Menangani Kemiskinan di Semenanjung Bengkoka, Pitas kini lebih dikenali sebagai Projek Ladang Getah Komuniti Kanibongan, Pitas merupakan projek ladang getah yang dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Projek ini melibatkan 28 buah kampung dengan keluasan 3,544 hektar yang turut melibatkan 1,425 orang peserta. Sehingga bulan Disember 2016, seluas 2,365 hektar telah mula ditoreh dan baki kawasan seluas 1,179 hektar akan beransur matang dan akan mula ditoreh pada tahun 2017, 2018 dan 2019.

Pengeluaran hasil serta pendapatan para peserta yang aktif menoreh bagi tiga bulan terakhir sehingga Januari 2017 adalah seperti jadual dibawah:-

Bulan	Pengeluaran (kg)	Nilai (RM)	Purata Pendapatan (RM)
Nov 2016	247,473	716,695	1,383
Dis 2016	255,073	925,228	1,661
Jan 2017	168,566	695,830	1,293

Berdasarkan kepada jadual tersebut, jumlah pengeluaran bagi bulan Jan 2017 berkurangan adalah disebabkan oleh faktor musim hujan.

Tiada kemudahan lain yang disediakan kepada peserta melainkan hanya tanaman getah sahaja.

Tanah ini diserahkan kepada peserta secara *Communal Title* (Geran Komunal) iaitu dengan mengagihkan lot-lot kepada para peserta dan diberi hakmilik. Melalui kaedah ini, geran akan dikeluarkan secara berkelompok dan nama setiap peserta akan tercatat dalam geran tersebut.

Setakat ini, sebanyak 17 buah kampung telah diproses untuk pengeluaran geran komunal bagi kawasan projek seluas 2,194.08 hektar kepada 813 peserta. Manakala pengeluaran Geran Komunal bagi baki 11 buah kawasan projek seluas 1,349.93 hektar kepada 612 orang peserta akan diproses apabila kawasan telah matang kelak.

NO. SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB. Laksamana Pertama Mohamad Imran Bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang diberi oleh UNESCO bagi mengurus dan menyelenggara Perak Man di Muzium Perak di Lenggong.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, pihak Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang sumbangan daripada UNESCO sejak dari mula mendapat pengiktirafan pada tahun 2012 bagi pengurusan dan penyelenggaraan Perak Man yang ditempatkan di Galeri Arkeologi Lembah Lenggong. Kebiasaannya, peruntukan oleh UNESCO hanya disalurkan kepada negara-negara yang benar-benar memerlukan serta tidak mempunyai keupayaan untuk membiayai pemeliharaan warisan mereka.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah menggunakan bajet Pengurusan dan Pembangunan serta Kumpulan Wang Warisan bagi mengurus dan menyelenggara Galeri Arkeologi Lembah Lenggong; Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong dan perlindungan rangka pra-sejarah Perak Man. Sebagai makluman, pada masa kini kerja-kerja menaiktaraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong sedang giat dijalankan termasuk membina galeri khas Perak Man bagi menonjolkan kepentingan Perak Man bukan sahaja di peringkat nasional, bahkan di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 16.03.2017

SOALAN : 21

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan kerajaan untuk membanteras hingga ke akar umbi terhadap pesalah-pesalah yang terlibat dalam kes rasuah terutamanya terhadap penjawat awam yang memegang jawatan tinggi dalam kementerian.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha membendung jenayah rasuah merangkumi semua pihak termasuklah Anggota Pentadbiran dan Pegawai Tinggi Kerajaan. SPRM telah melaksanakan aktiviti

pengecahan rasuah melalui strategi serampang tiga(3) mata iaitu penguatkuasaan, pengecahan serta pendidikan sebagaimana tertakluk di bawah Akta SPRM 2009. SPRM tidak membezakan siasatan sama ada kes-kes berprofil tinggi atau kes-kes biasa. Semua siasatan dilaksanakan secara adil tanpa pilih kasih dengan bebas, telus dan profesional serta tanpa memilih kedudukan dan fahaman politik. Hasil dari siasatan SPRM , terdapat individu-individu berprofil tinggi yang telah didakwa ke mahkamah sebagaimana yang sering dipaparkan di media dan Laporan Tahunan SPRM.

Selain dari tindakan penguatkuasaan, SPRM juga melaksanakan tindakan pengecahan dan pendidikan masyarakat selaras dengan peruntukan di bawah Akta SPRM 2009 iaitu meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam dan menasihati tentang perubahan yang sesuai untuk mengurangkan ruang dan peluang berlakunya rasuah. Inisiatif lain yang dilaksanakan bagi menangani jenayah rasuah dan salah laku dalam agensi awam adalah melalui penubuhan Unit Integriti mulai 1 Ogos 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif Unit Integriti ini adalah untuk menyatupadukan inisiatif-inisiatif penginstitutionan integriti berdasarkan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 yang bertujuan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika, merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pengecahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya

dalam pengurusan kewangan Kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan; dan mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi yang merentasi agensi secara proaktif melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat. Selain daripada itu terdapat juga usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh SPRM seperti berikut:

1. pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) kepada Jabatan, Agensi, Syarikat Milik Kerajaan yang memberikan penekanan kepada Pelaksanaan 5 Prinsip Pencegahan Rasuah;
2. pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja oleh SPRM ke atas jabatan, agensi, syarikat milik kerajaan untuk mengesan kelemahan dan mencadangkan penambahbaikan. Jika pemeriksaan menemukan kesalahan rasuah, maklumat akan disalurkan kepada Bahagian Siasatan bagi tujuan siasatan seterusnya.
3. Penempatan Pegawai SPRM sebagai Pegawai Integriti di Kementerian, jabatan dan Syarikat Berkaitan atau milik kerajaan.
4. Pelaksanaan Corruption Risk Management (CRM) di jabatan, agensi, syarikat oleh SPRM bagi mengenalpasti risiko rasuah yang menghasilkan Pelan Tindakan Pencegahan Rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN : 22

Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan kualiti keselamatan di lapangan terbang berikutan dengan kes pembunuhan guna semburan cairan beracun yang melibatkan warga Korea Utara baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Penerbangan Awam (DCA) sentiasa memastikan pihak operator lapangan terbang dan syarikat penerbangan mematuhi piawaian oleh *National Civil Aviation Security Programme* (NCASP) dan pekeling yang telah dikeluarkan oleh pihak DCA. Selain itu DCA juga mengadakan kawalan mutu (*Quality Control*) yang meliputi Audit Keselamatan, Pemeriksaan, Pemantauan dan Pengujian Keselamatan serta mengadakan kerjasama antarabangsa bersama pihak *Transport Security Administration* (TSA), Amerika Syarikat dan *Office of Transport Security* (OTS), Australia.

Susulan daripada kes pembunuhan yang melibatkan warga Korea Utara di klia2 baru-baru ini, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah mengambil langkah-langkah sewajarnya seperti memperketatkan lagi pengawasan di bangunan terminal dan kawasan pemeriksaan penumpang serta mengawal pemberian pas keselamatan kepada pekerja-pekerja luar dan pelawat. Untuk makluman Y.B., MAHB bersama-sama Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Bomba dan Penyelamat Malaysia, DCA, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan dan agensi lain yang berkaitan juga turut mengadakan latihan *Act of Aggression Exercise* di lapangan terbang tertentu untuk memantapkan latihan pengurusan risiko dalam menghadapi ancaman-ancaman pencerobohan di lapangan terbang. Mesyuarat tertinggi di antara pihak Malaysia Airports, PDRM dan Imigresen juga turut digunakan sebagai platform bagi membincangkan perkara-perkara dasar dan polisi serta melihat kepada isu-isu keselamatan di lapangan terbang.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Hasan Bin Arifin [Rompin]

TARIKH : 16 Mac 2017

**SOALAN : Dato' Hasan Bin Arifin minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

berapa ribu hektar tanah yang terlibat dalam industri akuakultur dan berapa banyak pengeluaran ikan dan udang dari industri ini mulai dari tahun 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2015 sebanyak 29,491 hektar tanah telah digunakan bagi pembangunan industri akuakultur iaitu peningkatan sebanyak 3.7% daripada penggunaan tanah bagi tujuan tersebut pada tahun 2011. Ini termasuk kawasan daratan, perairan laut, sungai dan badan air seperti tasik bagi tujuan ternakan ikan, udang galah, kerang-kerangan dan udang laut.

Dalam tempoh tahun 2011 hingga 2015, purata pengeluaran ikan dan udang dalam industri akuakultur adalah sebanyak 232 ribu metrik tan setiap tahun. Perincian pengeluaran ikan dan udang dalam industri akuakultur mengikut tahun adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Pengeluaran Tahunan (ribu metrik tan)				
		2011	2012	2013	2014	2015
1.	Pengeluaran udang	67	55	50	61	52
2.	Pengeluaran ikan air tawar / payau / masin	159	202	169	171	174
	Jumlah (ribu metrik tan)	226	257	219	232	226

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : KASTHURIRAANI A/P PATTO
KAWASAN : BATU KAWAN
TARIKH BAHAS : 16 MAC 2017
NO. SOALAN : 24

KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan perjanjian yang telahpun ditandatangani dalam lawatan rasmi YAB Perdana Menteri tahun lepas diantara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara China, jenis sektor atau industri yang terlibat serta jumlah pelaburan atau pinjaman yang berkaitan dengan penandatanganan tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sebelum saya memberi huraian lanjut, ingin dimaklumkan bahawa 14 perjanjian/ memorandum yang dimaksudkan adalah dalam bentuk usahasama perniagaan (*business-to-business* - B2B). Selain perjanjian/ memorandum persefahaman antara Kerajaan (*government-to-government* - G2G), 14 perjanjian/ memorandum B2B juga telah dimeterai oleh pemimpin-pemimpin perniagaan Malaysia dan Republik Rakyat China semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Beijing pada November 2016.
2. Perjanjian/ memorandum B2B yang ditandatangani tersebut merangkumi sektor pembinaan, infrastruktur, keluli, kewangan, tenaga boleh diperbaharui, teknologi hijau, perbankan, pertanian (sarang burung walit) dan e-dagang.
3. Antara projek-projek ikonik dalam senarai memorandum/ perjanjian B2B yang melibatkan pelaburan-pelaburan China termasuk:

a) Melaka Gateway

Projek *Melaka Gateway* telah disenaraikan sebagai Entry Point Project (EPP) melibatkan pembangunan “*mixed development*” yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelbagai seperti pelancongan, pusat & kompleks perniagaan, pelabuhan laut dalam dan kawasan industri maritim berteknologi tinggi. Projek ini akan dibangunkan secara bersama oleh syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan syarikat Power China International Group Limited di atas tanah yang ditambah (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah pulau. Nilai pembangunan kasar (GDV) projek dianggarkan berjumlah RM64 bilion dan dijangka dapat menarik 2.5 juta pelancong setahun ke Melaka serta memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 45,000 orang.

Projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka**.

b) East Coast Railway Link - ECRL

Laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) merupakan jaringan perkhidmatan tren baharu yang akan merentasi

Banjaran Titiwangsa dan melibatkan laluan sepanjang kira-kira 600 kilometer melalui beberapa buah bandar seperti Gombak, Mentakab, Jengka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat.

Sepertimana yang dimaklumkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), projek ini masih di peringkat awal di mana kaji selidik pasaran melalui kaedah Pelawaan Memberi Maklumat (RFI) sedang dilakukan SPAD dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Projek ECRL dianggarkan bernilai RM55 bilion, akan menjadi pemangkin ekonomi bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membabitkan negeri-negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian timur laut Johor.

Projek ECRL ini diselaraskan oleh **Kementerian Kewangan.**

4. Lapan daripada perjanjian/ memorandum B2B tersebut merupakan pelaburan berjumlah USD20.10 bilion dan satu perjanjian adalah pinjaman bernilai USD13.75 bilion bagi tujuan pembinaan Landasan Keretapi Pantai Timur (*East*

Coast Rail Link – ECRL). Manakala 5 perjanjian yang selebihnya melibatkan kerjasama dalam bidang-bidang seperti penyelidikan, e-dagang dan kemudahan kewangan yang bernilai USD2.06 bilion.

5. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah melantik Tan Sri Ong Ka Ting, Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China sebagai *focal point* untuk menerajui penyelarasan semua tindakan susulan termasuk perkembangan 14 perjanjian/ Memorandum Usahasama Perniagaan (B2B).

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]**

TARIKH : **16 Mac 2017 (Khamis)**

SOALAN : **Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peratusan jagung bijirin dan kacang soya yang diimport dari luar negara pada tahun 2016 bagi makanan ternakan. Apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menggalakkan rakyat di negara ini terlibat dengan aktiviti pertanian khususnya bagi tanaman jagung bijirin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2016, Malaysia mengimport makanan ternakan sebanyak RM6.17 bilion. Daripada jumlah ini, komponen jagung bijirin adalah sebanyak 45% (RM2.85 bilion) dan soya sebanyak 30% (RM1.84 bilion).

Bagi membantu mengurangkan import makanan ternakan dari luar negara, Kerajaan menggalakkan rakyat di negara ini terlibat dengan aktiviti pertanian khususnya penanaman jagung bijirin bagi makanan ternakan. Untuk tujuan itu, Kementerian melalui Jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) giat melakukan usaha-usaha seperti berikut :

- a) Menyediakan bantuan secara terhad seperti input pertanian berupa benih dan racun, mesin dan peralatan kecil dan lain-lain seumpamanya;
- b) Bantuan bagi pembersihan kawasan yang telah dikenalpasti bagi kerja-kerja perataan tanah, penyediaan parit dan pam air;
- c) Menyediakan kemudahan jentera dan mekanisasi bagi memudahkan proses penuaian dan penghantaran hasil tuaian ke pusat pengumpulan;
- d) Membangunkan loji pengeringan jagung bijirin bagi memastikan hasil penuaian dikeringkan secara sistematik sebelum dihantar kepada pengilang makanan ternakan;
- e) Membuat promosi bagi menggalakkan penanaman jagung bijirin di kawasan tanah terbiar; dan
- f) Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 16.3.2017 (KHAMIS)

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah sebabnya pengiraan kadar perubahan harga petrol setiap bulan tidak diterbitkan secara terperinci setiap bulan, terutamanya harga minyak MOPS dan kadar pertukaran mata wang yang digunakan. Adakah pengiraan terperinci ini akan diumumkan pada bulan-bulan yang akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Pengiraan terperinci harga petrol setiap bulan tidak boleh diterbitkan kerana ia menggunakan maklumat harga pasaran petrol (*Mean of Platts Singapore - MOPS*) yang diterbitkan oleh syarikat S&P Global (Platts) di Singapura. Maklumat harga pasaran petrol ini adalah hak milik syarikat tersebut (*Proprietary Rights*) dan mereka tidak membenarkan maklumat ini dikongsi dengan mana-mana pihak ketiga

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan (pengawasan) yang diambil oleh Kerajaan dalam pemberian pingat anugerah persekutuan dan negeri yang kebelakangan ini boleh dikatakan terlalu banyak. Jelaskan 'screening process' yang diguna-pakai oleh kerajaan persekutuan mahupun negeri (sebelum diputuskan oleh ketua negara/negeri) dalam pemberian anugerah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) akan melalui beberapa peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pemilihan DKBPP. Pemilihan pencalonan yang layak diperakukan adalah berdasarkan syarat-syarat asas pencalonan yang telah digunakan sebagai garis panduan pemilihan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pemilihan DKBPP. Di antara syarat asas pencalonan DKBPP adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

- i. sumbangan cemerlang individu kepada Negara dalam apa jua lapangan selama beberapa waktu. Individu juga hendaklah merupakan seorang yang terkenal dan berkedudukan yang tinggi serta berpengaruh;
- ii. kewibawaan individu dan telah memberi sumbangan yang amat bermakna di dalam sesuatu jabatan atau agensi dan mempunyai sahsiah serta peribadi yang unggul; dan
- iii. sumbangan individu yang signifikan dan memberi impak dalam sesuatu bidang di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang membawa manfaat kepada Negara, bangsa dan agama.

Semua pencalonan DKBPP ini seterusnya akan melalui tapisan keselamatan dan keutuhan yang dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Hanya calon yang lulus bagi semua tapisan sahaja akan diperakukan oleh Kerajaan untuk pengurniaan DKBPP. Perakuan Kerajaan ini seterusnya diangkat untuk perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bagi pengurniaan di peringkat negeri pula, semua pencalonan juga akan melalui peringkat Mesyuarat Jawatankuasa masing-masing dan seterusnya diangkat untuk perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri. Penganugerahan sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri adalah tertakluk kepada penetapan syarat-syarat yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja / Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2017

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan atas apakah alasan pembayaran RM26.7 juta setiap tahun sebagai Pembayaran Khas kepada Sabah melalui Artikel 112C / Artikel 112D / Bahagian IV Kurungan (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah dipersetujui (oleh Kerajaan Sabah) dan adakah jumlah itu akan dinaikkan kepada jumlah yang sepatutnya (mengikut 2/5 daripada kutipan cukai yang datang dari Sabah).

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian khas kepada Sabah adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 112C dan disenaraikan dalam

Bahagian IV dan V, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Penetapan amaun pemberian khas adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan berkenaan dan hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua Persekutuan dan negeri yang berkenaan. Setiap tahun, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dengan kadar berkuat kuasa sekarang iaitu sebanyak RM26.7 juta kepada Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemberian di bawah Fasal (1) Perkara 112C adalah tertakluk kepada kajian semula seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 112D. Menurut Perkara 112D, kajian semula boleh diadakan pada bila-bila masa selepas tempoh pertama berakhir sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Kajian semula bagi pemberian khas Sabah telah dilakukan pada tahun 2014, walau bagaimanapun kajian semula itu telah ditangguhkan atas sebab kedudukan kewangan negara yang tidak kukuh pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membuat kajian semula ke atas pemberian di bawah Perkara 112C tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah murid-murid sekolah yang terlibat dalam pengambilan bahan larangan seperti dadah, syabu dan juga gam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendidikan Pencegahan Dadah dilaksanakan di semua sekolah secara implisit dan eksplisit. Pelaksanaannya adalah secara menyeluruh kepada semua warga sekolah sama ada di dalam dan di luar kelas. Secara eksplisitnya pihak sekolah melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang kawal selia oleh Jawatankuasa PPDa sekolah. Pendidikan Pencegahan Dadah dilaksanakan melalui dua pendekatan iaitu Pendidikan Pencegahan dan Pendidikan Intervensi. Menerusi pendekatan pendidikan pencegahan semua murid diberikan input mengenai bahaya dadah secara umum dan pelaksanaan program ini adalah berterusan di sepanjang tahun dalam kurikulum, kokurikulum

dan program pembangunan sahsiah. Murid-murid akan mendapatkan input tentang bahaya dadah, rokok, inhalan, alkohol dan HIV menerusi subjek kesihatan bermula dari tahun satu hingga ke tingkatan lima. Pengajaran tentang bahayanya dadah juga diajar kepada semua murid menerusi sisipan dan penerapan nilai-nilai murni dalam semua subjek di sekolah.

Menerusi bidang ko-kurikulum, murid-murid dilatih supaya menghindari dadah menerusi aktiviti pertubuhan beruniform, kelab dan persatuan. Murid-murid yang dilatih akan membantu guru melaksanakan program PPDa di sekolah.

Murid-murid yang dikesan berisiko kepada dadah perlu melalui pendidikan intervensi yang meliputi program kaunseling dan program khas intervensi murid yang dikendalikan oleh kaunselor sekolah dan juga melibatkan pelbagai agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL SINGH
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk membentangkan Rang Undang-undang untuk memperkenalkan Daftar Penjenayah Seks (Sexual Offenders Registry) dan langkah-langkah yang akan diambil untuk tujuan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dibuat tentang kewajaran cadangan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan pendaftaran kesalahan seksual. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] bagi pendaftaran penjenayah, orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri dan orang terhad tertentu dan bagi maksud lain yang bersangkutan dengannya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 31

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah penyelesaian bagi menangani masalah hakisan pantai di Kuala Nerus khususnya Pantai Mengabang Telipot yang dibina struktur lapis lindung batu (*rock revetment*) telah menyebabkan hakisan lebih teruk berlaku di pantai seterusnya di sebelah utara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar akan masalah hakisan yang lebih teruk yang telah berlaku di kawasan utara pantai Mengabang Telipot.

Dalam hal ini, JPS telah mengambil langkah-langkah kecemasan dengan membina struktur lapis lindung batu di pantai Tok Jembal pada pada tahun 2014 dengan kos sebanyak RM97 Juta. Projek ini dijangka siap pada 19 Mei 2017.

Kementerian juga akan mengambil langkah-langkah tambahan dengan menjalankan kajian hidraulik bagi menilai struktur yang paling sesuai dibina bagi mengatasi masalah hakisan secara menyeluruh di sepanjang pantai Kuala Nerus. Peruntukan yang sewajarnya akan dipohon di dalam *Rolling Plan 3* di bawah RMKe-11 kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2017

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan dan rancangan Kerajaan untuk memulihkan mata wang Ringgit yang nilainya telah merosot secara ketara sehingga ia menjadi mata wang yang mengalami kejatuhan paling teruk di Asia sejak 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang bukanlah unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3%

berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang didorong oleh faktor luaran.

2. Faktor-faktor tersebut termasuklah jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan kadar dasar *Federal Reserve* AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia, dan kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Ketidaktentuan politik di UK, kawasan Euro dan AS, juga menjejaskan permintaan terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun, yang telah memberi kesan negatif terhadap kebanyakan matawang negara-negara sedang pesat membangun dan serantau, termasuk ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam menangani penyusutan nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran matawang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rezab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kepada

turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

4. Pada hujung tahun 2016, BNM juga telah memperkukuh semula peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan insitusi kewangan berlesen dalam negara dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF). Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) dalam pasaran luar persisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

5. Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih dan mencatatkan lebih akaun semasa dalam imbangan pembayaran, perolehan eksport dalam matawang asing tidak ditukar kepada ringgit, lalu menyebabkan ketidakseimbangan di dalam permintaan dan penawaran ringgit di pasaran pertukaran asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, bersama BNM, juga telah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam

pasaran pertukaran asing dalam negeri. Ini termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport dalam mata wang asing ke ringgit, untuk menangani ketidakseimbangan ini. Aliran perolehan eksport mata wang asing ke dalam pasaran kita akan meningkatkan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran dalam negeri.

6. Walaupun hanya dua bulan sejak pengumuman langkah-langkah ini, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan hasil yang megalakkan. Perkara yang paling utama ialah turun naik nilai ringgit telah menunjukkan kestabilan yang ketara sejak langkah-langkah ini mula beroperasi.

7. BNM, dari semasa ke semasa, akan memperkenalkan langkah-langkah liberalisasi baru yang bertujuan untuk mengembangkan pasaran pertukaran wang asing, bon, dan wang dalam negara untuk memenuhi permintaan peserta pasaran dan membolehkan perniagaan tempatan untuk mengurus dedahan kadar pertukaran di dalam negara.

8. Dalam jangka yang lebih panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Dalam hal ini, usaha Kerajaan untuk melaksanakan program transformasi

ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal dan langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil akan dapat memberi sokongan ke arah pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Apabila nilai ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia. Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.
10. Penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap kadar inflasi diimbangi oleh sumbangan sederhana wajaran barangan import daripada keseluruhan permintaan domestik. Sebagai contoh, bahan mentah dan bahan pengantara yang diimport hanya mencakupi sekitar 20% daripada jumlah pengeluaran.

Barangan import (tidak termasuk petrol dan diesel) hanya mencakupi 6.4% daripada kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP). Keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana juga akan membendung tekanan inflasi, memandangkan kesanggupan dan keupayaan firma untuk memindahkan sepenuhnya tekanan kos yang lebih tinggi kepada pengguna dijangkakan lebih terhad.

11. Untuk menangani kenaikan kos sara hidup, pihak Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan dan mengurangkan kebergantungan terhadap import bagi barangan asas, dengan menaikkan jumlah pengeluaran domestik bagi barangan keperluan.

12. Selain itu juga, dalam menangani cabaran semasa, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi kekal mapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YBHG. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

YBhg. Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [RAUB] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semasa menyenaraikan FGV, berapakan wang yang diperolehi oleh FELDA dan bagaimana hasil apungan diagihkan; yakni berapa jumlah dan kepada siapa.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaiaan Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran durian runtuh kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaiaan	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tuan Idris bin Ahmad [Bukit
Gantang]**

TARIKH : 16 Mac 2017 (Khamis)

**SOALAN : Tuan Idris bin Ahmad minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:**

Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalak belia terlibat di dalam sektor pertanian memandangkan industri ini semakin tidak diminati oleh generasi muda.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah mengambil langkah-langkah strategik untuk menarik lebih ramai penglibatan generasi muda di dalam sektor pertanian. Justeru, dua (2) program telah diperkenalkan iaitu Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang dilaksanakan sejak tahun 2004 dan Program Agropreneur Muda mulai September 2013.

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK)

Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) menawarkan latihan kemahiran pertanian kepada semua generasi muda yang berkelayakan bagi peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran (Pertanian). Program ini dijalankan di 16 buah Pusat Bertauliah dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Terdapat sembilan bidang yang ditawarkan iaitu iaitu tanaman, pengeluaran padi, ternakan ruminan, ternakan poltri, akuakultur air tawar, akuakultur marin, teknologi perikanan tangkapan, pemprosesan makanan dan pemasaran. Kesembilan bidang ini turut diterapkan dengan latihan keusahawanan. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan menerima sijil atau diploma kemahiran di samping kos pengajian, penginapan, makan dan minum, dan elaun sara hidup sebanyak RM200 – RM250 sebulan serta elaun Latihan Industri sebanyak RM300 sebulan yang disediakan oleh Kerajaan.

Program Agropreneur Muda

Program Agropreneur Muda merupakan program khusus untuk generasi muda berumur 18 hingga 40 tahun. Pendekatan program ini adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan generasi muda dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti didalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, dan industri asas tani.

Program ini menawarkan bantuan seperti berikut:

- i. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian;
- ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek sediaada (pengembangan projek); dan
- iii. Menyediakan bantuan geran berbentuk barangan (*in-kind contribution*) sehingga RM20,000 bagi projek baru.

Selain itu, Program MYAGROSIS (Kelab Usahawan Siswazah Tani) yang juga merupakan cabang daripada Program Agropreneur Muda telah dilaksanakan diperingkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Pertanian (ILP) dengan kerjasama secara NBOS semua Jabatan dan Agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan IPTA dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

MYAGROSIS merupakan program yang mendedahkan anak muda di IPTA dan ILP kepada bidang pertanian, didalam berbentuk latihan secara *hands-on* menerusi komponen:

- i) Agroniaga : Pendedahan kepada asas perniagaan dan peruncitan melalui projek K-Shoppe dan Kopie Satu
- ii) Agroladang : Pendedahan kepada bidang pertanian dan tanaman melalui projek tanaman, ternakan dan akuakultur.
- iii) Agroinovasi : Pendedahan melalui komponen seperti packaging, labeling, dan website

Tujuan program ini adalah untuk memupuk minat dalam bidang keusahawanan pertanian dalam kalangan mahasiswa IPT Adan ILP sejajar dengan slogan 'Pertanian Adalah Perniagaan' dan agenda untuk Meremajakan Sektor Agromakanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 MAC 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

SOALAN :-

YB. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah perkembangan terkini cadangan bagi menyelaraskan kuota dan harga rumah mampu milik di seluruh negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penyelarasan harga rumah Mampu Milik (RMM) telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri 4 Bil. 1/2016 pada 6 April 2016 yang lalu. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, YBhg. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak tersebut telah bersetuju harga siling bagi jualan Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara ditetapkan pada RM300,000 seunit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum tentang rasional dan keperluan mewujudkan satu ketetapan bagi kuota pembangunan RMM untuk penyelarasan bagi setiap negeri. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) Bil.1 tahun 2017 yang dipengerusikan oleh YB. Menteri KPKT pada 21 Februari 2017. Mesyuarat tersebut memutuskan antara lain supaya perkara ini di bincang diperingkat Exco Perumahan Negeri dan dimaklumkan kepada KPKT untuk tindakan penyelarasan di peringkat nasional.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**
[POKOK SENNA]

TARIKH : **16 MAC 2017**

SOALAN : **Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Wisma Putra untuk membersihkan nama Malaysia daripada tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh majalah luar negara seperti The Time Magazine, The Economist dan International Website Foreignpolicy.com yang menyenaraikan Malaysia sebagai negara terburuk mengamal rasuah. Apakah tindakan undang-undang telah diambil.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa prihatin dalam memelihara imej baik negara daripada dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani tohmahan yang dilemparkan ke atas Negara.

3. Dalam konteks tuduhan yang dibuat oleh media-media asing termasuk laman berita asing seperti menyenaraikan Malaysia sebagai negara terburuk mengamal rasuah, dua bentuk tindakan diambil iaitu tindakan serta-merta, dan perancangan jangka panjang bagi menanganinya. Tindakan serta-merta yang diambil termasuklah menyemak bahan-bahan penerbitan tersebut dan memperbetulkan fakta-fakta yang seringkali diputarbelitkan sehingga memberi gambaran atau tanggapan palsu.

4. Seterusnya, pihak Kementerian dengan kerjasama Perwakilan-Perwakilan Malaysia yang terlibat akan merangka satu jawapan balas bagi menangkis tohmahan tersebut serta memanjangkannya kepada media yang sama untuk menerbitkannya, bagi memperbetulkan kesilapan yang dibuat.

5. Selain daripada itu, Ketua Perwakilan Malaysia di luar negara juga akan mengadakan pertemuan dengan pengarang-pengarang media berkenaan bagi menjelaskan keadaan sebenar dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani gejala rasuah.

6. Dalam konteks usaha jangka panjang, pelbagai aktiviti telah digariskan untuk mengatasi persepsi buruk mengenai Malaysia. Semua Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar negara telah diarah untuk menjalin dan mengujudkan hubungan mesra dengan pihak media serta menjemput wakil-wakilnya menyertai dalam aktiviti-aktiviti anjuran Perwakilan.

7. Melalui interaksi dan hubungan mesra ini, wakil-wakil media antarabangsa ini akan sekurang-kurangnya menyemak dengan Perwakilan Malaysia di luar negara sebelum menyiarkan/menerbitkan rencana negatif mengenai Malaysia. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk memberi gambaran sebenar mengenai usaha Kerajaan Malaysia dalam memerangi gejala rasuah, antara lainnya.

8. Dalam interaksi Perwakilan dengan pihak media, kejayaan-kejayaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membawa kes-kes rasuah ke muka pengadilan turut diketengahkan supaya dapat digunakan dalam siaran-siaran akhbar yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperkemaskan permohonan lesen bagi perniagaan penginapan perkampungan atau homestay bagi mengalakkan pengusaha penginapan perkampungan menjalankan perniagaan dengan lesen sah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia adalah berkonsepkan pelancongan gaya hidup (*lifestyle*) atau yang **berunsurkan pengalaman** di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha Homestay dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian serta kebudayaan masyarakat kampung. Program-program pengalaman ini hendaklah mematuhi garis panduan dan berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Sehubungan itu, ia tidak melibatkan pemberian lesen.

Walau bagaimanapun, bagi premis-premis dan bilik-bilik penginapan lain yang mengguna pakai perkataan Homestay bagi tujuan sewaan adalah tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan kriteria-kriteria dan garis panduan senarai pesalah laku seksual memandangkan senarai tersebut perlu diwujudkan dengan segera.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dibuat tentang kewajaran cadangan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan pendaftaran kesalahan seksual. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] bagi pendaftaran penjenayah, orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri dan orang terhad tertentu dan bagi maksud lain yang bersangkutan dengannya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ

TARIKH : 16 MAC 2017

RUJUKAN : 9640

SOALAN :

Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang terlibat dengan gerakan DAESH dan gejala ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2013 hingga 22 Februari 2017, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menangkap seramai 234 orang rakyat Malaysia yang terlibat dengan Daesh. Selain itu, PDRM juga telah mengenal pasti seramai 95 orang rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan pengganas di Syria. Daripada jumlah tersebut, 30 daripadanya telah meninggal dunia manakala 8 lagi telah ditangkap sebaik sahaja kembali ke Malaysia.

Berdasarkan kepada beberapa peristiwa serangan pengganas pada masa ini, Kerajaan juga telah meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti kawasan pelancongan, kepentingan negara asing dan sasaran penting. Kawalan keselamatan dilaksanakan menerusi konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan terutamanya PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa sama, kawalan di semua pintu masuk utama dan sempadan negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan antaranya penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia dengan melaksanakan operasi dan tangkapan dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULA SEGARAN
A/L MURUGESON [IPOH BARAT]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

**YB Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah wang yang diperuntukkan untuk penyelidikan dan perunding-perunding dalam dan asing untuk membuka semula kes Pedra Branca terhadap Singapura; dan
- (b) apakah maklumat terkini mengenai kes ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

TARIKH : 16 MAC 2017

RUJUKAN : 9795

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keadaan jenayah siber di Malaysia dan langkah-langkah bagi mencegahnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar dan peka kepada trend jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber dan penipuan melalui Internet. Fenomena ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja tetapi berlaku di seluruh dunia memandangkan urusan atas talian telah menjadi medium utama masyarakat pada masa ini dalam semua urusan harian dan perniagaan.

Bagi mempertingkatkan keberkesanan dalam membanteras jenayah siber daripada terus berleluasa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Security Malaysia (CSM), Agensi Penyedia Rangkaian Internet dan agensi-agensi lain. PDRM turut mendapatkan kerjasama daripada penyedia aplikasi seperti *Google, Facebook, Twitter* dan agensi penguatkuasa luar negara.

Statistik PDRM menunjukkan sebanyak 11,186 kes jenayah siber pada tahun 2016 melibatkan kerugian sebanyak RM 212,820,115.84 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 9,085 kes dengan kerugian sebanyak RM179,273,200.00. Peningkatan kes dan kerugian yang ketara ini menunjukkan bahawa jenayah siber merupakan satu ancaman besar kepada negara.

PDRM sentiasa berusaha untuk mencegah kes-kes seumpama ini daripada terus berleluasa dan antara usaha-usaha yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- i. membuat pindaan bagi memantapkan lagi Akta-akta sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Acara Jenayah dan lain-lain akta yang berkaitan selaras dengan perkembangan masa kini; dan**
- ii. mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti Kempen “*Be Smart* Jangan Jadi Mangsa Jenayah Siber” kepada masyarakat agar mereka tidak terlibat atau terpedaya dan menjadi mangsa jenayah siber seperti yang dihebahkan melalui media massa dan media sosial.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
KAWASAN : BUKIT BINTANG
TARIKH BAHAS : 16 MAC 2017
NO. SOALAN : ~~24~~ 42

YB Tuan Fong Kui Lun minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak Presiden Amerika Syarikat, Mr Donald Trump menarik balik penyertaan Amerika Syarikat dalam perjanjian TPPA, apakah kesan keatas perdagangan Malaysia dari segi eksport, import dan pelaburan dari Negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Walaupun belum mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas, Malaysia dan Amerika Syarikat mempunyai hubungan perdagangan yang cukup baik sejak 60 tahun yang lalu. Malaysia belum ada perjanjian perdagangan bebas antara dua negara A.S. sehingga ke hari ini. Kerajaan telah bersetuju untuk Malaysia menjadi negara anggota kepada TPPA dengan harapan untuk meningkatkan lagi potensi dagangan dan pelaburan Malaysia di antara A.S. dan negara-negara anggota lain TPPA. Ia merupakan salah sebuah strategi Kerajaan untuk terus mengukuhkan ekonomi negara melalui perjanjian perdagangan

bebas yang dapat mengintegrasikan ekonomi negara dalam rantau Asia Pasifik.

Oleh yang demikian, penarikan A.S. dari TPPA walaupun akan ada kesannya terhadap perjanjian yang dirundingkan tersebut, ia sebenarnya tidak dijangka memberi kesan ke atas perdagangan Malaysia dengan A.S. dari segi eksport, import dan pelaburan yang sudah lama terjalin dan kekal kukuh tanpa sebarang perjanjian perdagangan bebas.

Untuk makluman, A.S. merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia pada 2016. Di rantau ASEAN, Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar Amerika Syarikat dan sumber eksport ketiga terbesar bagi Amerika Syarikat.

Sehingga September 2016, A.S. merupakan pelabur kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak USD21 bilion dengan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 282,408.

MITI akan terus memantau dasar-dasar perdagangan Amerika Syarikat yang berkaitan dan akan berusaha mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia ada untuk menjamin kepentingan Malaysia. Ini termasuk melalui pejabat luar MITI di Washington yang akan terus memantau dan menganalisa impak dari dasar-dasar baru pentadbiran Amerika Syarikat yang masih belum jelas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 43

YB Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini Zon Perdagangan Bebas Digital yang bertujuan sebagai langkah bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai pihak dalam sektor e-dagang negara selaras dengan gagasan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa sesi pembentangan bajet 2017, Zon Perdagangan Bebas Digital atau *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) adalah sebuah inisiatif yang menggabungkan Zon Perdagangan Bebas secara fizikal dan digital bagi memudahcara perdagangan antarabangsa serta dalam menggalakkan inovasi perdagangan berasaskan internet.

Pada masa ini inisiatif DTFZ ini dalam peringkat akhir fasa perancangan perlaksanaannya, di mana beberapa komponen utama DFTZ masih perlu melalui proses konsultasi dengan pihak berkaitan dan kelulusan dari pihak-pihak bertanggungjawab.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[PKR – TELOK KEMANG]
TARIKH : 16 MAC 2017
SOALAN : 24

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menubuhkan Pusat Prasarana Kritikal Negara (Centre of National Critical Infrastructure) yang berfungsi menyelia aset-aset utama negara dan menilai sebarang risiko yang berkaitan keselamatan negara memandangkan negara-negara lain sangat berhati-hati apabila ia melibatkan syarikat asing memperoleh kawalan ke atas prasarana kritikal seumpama bekalan elektrik, air, telekomunikasi, sumber asli dan lain-lain.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih belum bercadang untuk menubuhkan Pusat Prasarana Kritikal Negara (Centre of National Critical Infrastructure) buat masa ini.

Sebagai makluman, Jawatankuasa Pemantauan Sasaran Penting yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri dan dianggotai oleh agensi dan kementerian berkaitan telah ditubuhkan di peringkat Pusat dan Negeri untuk menyelia dan menilai sebarang risiko ke atas aset-aset utama negara. Justeru, fungsi penubuhan Pusat Prasarana Kritikal Negara seperti yang dicadangkan telah pun dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemantauan Sasaran Penting pada masa ini secara berterusan.

Melalui jawatankuasa ini, tim naziran khas telah dilantik bagi melaksanakan semakan dan pemeriksaan ke atas aset-aset utama negara dan perkara ini telah dilaksanakan dengan berkesan. Sehingga kini, masih tiada ancaman yang berlaku dan aset-aset utama negara masih dalam kawalan.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO- LEUNG
[ALOR SETAR- PKR]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sekiranya ada bantuan kewangan yang disalurkan kepada kerajaan negeri kedah dalam tahun 2016 dan 2017 oleh kerajaan persekutuan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf yang sangat diperlukan untuk Stadium Darul Aman, Alor Setar dan sekiranya tidak , untuk menjelaskan alasan-alasannya.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan buat masa ini tiada menyalurkan bantuan kewangan untuk membaik pulih Stadium Darul Aman. Walau bagaimanapun Kementerian ini bersedia untuk melihat semula penyelenggaraan kemudahan sukan di Stadium tersebut bagi memastikan ianya dapat digunakan seterusnya mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
KAWASAN : KUALA KANGSAR
TARIKH : 16 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian sudah mengkaji jalan susur tol di Perhentian Menora – Kuala Kangsar di Lebu Raya PLUS yang pernah dipohon 2 tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya setakat ini tidak ada sebarang perancangan untuk membina susur Lebu Raya Utara Selatan (PLUS) yang baharu berhampiran Terowong Menora, Perak. Ini kerana cadangan jalan susur tersebut tidak termasuk dalam skop perjanjian konsesi PLUS. Tambahan pula cadangan pembinaan susur keluar yang baharu itu melibatkan kos yang tinggi dengan mengambil kira faktor muka bumi di kawasan berkenaan yang berbukit bukau. Sehubungan itu pengguna di kawasan penempatan berhampiran Meru - Menora masih boleh menggunakan susur keluar berhampiran yang selesa, iaitu susur Ipoh/Jelapang/Sungai Siput atau susur Plaza Tol Ipoh Utara: 'Jelapang Exit'.

Sekian. Terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR - BN]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendirian Kementerian ke atas gejala rasuah dalam bidang kesukanan terutama sekali gejala ini melibatkan kalangan pegawai atasan dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi menghapuskan gejala ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil serius gejala rasuah dalam bidang kesukanan di pelbagai peringkat sama ada melibatkan di kalangan pegawai atasan mahupun bawahan. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menangani gejala ini sekiranya terdapat aduan serta bukti-bukti kukuh yang melibatkan mereka yang berkaitan.
2. Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) sentiasa menasihati dan memastikan pengadu-pengadu untuk terus melaporkan perkara seumpama ini kepada pihak polis atau SPRM dan akan sentiasa memberi kerjasama dalam membanteras gejala ini.
3. PPS juga dari semasa ke semasa merangka dan melaksanakan pelbagai program yang melibatkan pemegang-pemegang jawatan utama badan sukan dalam usaha memastikan gejala rasuah serta pentadbirannya berada di tahap yang profesional dan cemerlang. Antara program tersebut adalah seperti Seminar Integriti dengan kerjasama pihak Integriti, Program Merakyatkan SPRM Bersama Badan Sukan, Kursus Pengurusan Badan Sukan, Kursus Kepimpinan Badan Sukan, Bengkel Pengurusan Kewangan, Majlis-majlis Dialog, Seminar-seminar Pengurusan Sukan serta Program Naziran dan Pemantauan Badan Sukan.

SULIT

4. Selain itu, pemegang-pemegang jawatan dalam badan sukan adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Kehilangan Kelayakan Pemegang Jawatan Badan Sukan) 2000.
5. Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Pengauditan Khas Terhadap Kelemahan Prosedur Kewangan Kementerian Belia dan Sukan pada bulan April 2016.
6. Laporan tersebut merumuskan bahawa pada umumnya, **kelemahan kawalan dalaman proses kewangan** di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) **dan tadbir urus yang kurang berkesan** telah memberi ruang dan peluang kepada pegawai KBS yang terlibat untuk menyalahgunakan kedudukan jawatannya sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan bagi kepentingan peribadi.
7. Kelemahan kawalan dalaman proses kewangan dari aspek agihan peruntukan dan pembayaran adalah disebabkan antaranya oleh ketiadaan pengasingan dan pusingan tugas; kelemahan pengurusan geran dan ketidak patuhan kepada prosedur pembayaran.
8. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan oleh Laporan Pengauditan Khas tersebut, KBS telah melaksanakan beberapa penambahbaikan di dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

TARIKH : 16 Mac 2017

SOALAN : Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

apakah perancangan Kementerian untuk memajukan industri laut dalam di Tanjong Manis memandangkan Kompleks LKIM di Tanjong Manis tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk mendaratkan hasil perikanan menyebabkan tangkapan ikan tersebut dijual di tengah laut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah bagi memajukan industri laut dalam di Tanjung Manis dan mengalakkan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Tanjung Manis. Di antara perancangan dan langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) Menetapkan syarat tambahan bagi lesen vesel yang berpangkalan di Tanjung Manis dengan mewajibkan vesel-vesel tersebut mendaratkan ikan di Pelabuhan Perikanan Tanjung Manis sekurang-kurangnya sekali sebulan;
- (ii) Menetapkan syarat minimum pendaratan ikan setahun bagi setiap vesel berdasarkan kepada jenis peralatan menangkap ikan;
- (i) Menyediakan kemudahan tempat pengasingan, pembungkusan, pemprosesan dan penyimpanan hasil laut serta kemudahan mendapatkan input bekalan minyak, air batu dan air bersih;

- (ii) Menggalakkan penglibatan pengusaha laut dalam yang berpangkalan di Tanjung Manis untuk membangunkan industri hulu dan hiliran;
- (iii) Mengadakan sesi *engagement* bersama pengusaha perikanan secara berterusan bagi memaksimumkan penggunaan Pelabuhan Perikanan Tanjung Manis dan menggalakkan pendaratan ikan; dan
- (iv) Menggalakkan penglibatan belia dalam bidang perikanan laut dalam melalui kempen, latihan, promosi, permohonan pembiayaan mudah Program Agropreneur Muda dan insentif geran *In Kind Contribution* Agropreneur Muda dan penyediaan kemudahan pinjaman bank.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)**

**TARIKH : 16.03.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan matlamat sebenar lawatan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia ke Myanmar pada Disember 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan Panglima Angkatan Tentera (PAT) ke Myanmar pada bulan Disember 2016 yang lalu adalah merupakan lawatan Kunjungan Hormat ke atas PAT Myanmar sempena persaraan beliau dan merupakan siri lawatan ke atas PAT-PAT Negara ASEAN yang telah dirancang terlebih awal.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru]

TARIKH : 16 Mac 2017 (Isnin)

SOALAN : Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah drastik diambil Kerajaan dalam mengurangkan bilangan import makanan berjumlah RM45.4 bilion pada 2015 dapat dikurangkan pada masa akan datang serta nyatakan program yang dilaksanakan Kerajaan terutamanya dalam menghasilkan produk makanan tersendiri di tanah-tanah terbiar dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35, iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-3, tetapi mendahului kedudukan negara Thailand (ke-51), Vietnam (ke-57), Indonesia (ke-71), Filipina (ke-74), Myanmar (ke-80), Cambodia (ke-89) dan Laos (ke -103).

Jaminan bekalan makanan atau *food security* sesebuah negara akan tercapai apabila 4 komponen berikut dipenuhi:

- (i) ketersediaan (*availability*) bekalan makanan bagi memenuhi permintaan. Penawaran bekalan boleh dicapai sama ada melalui pengeluaran dalam negara, import dan simpanan stok;
- (ii) akses (*accessibility*) iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya (*affordability*);
- (iii) keselamatan dan khasiat (*safety and nutrition*) di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan (*stability*) iaitu bekalan makanan boleh diperolehi pada setiap masa

Dalam hubungan ini, bagi mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara bagi menampung bekalan dan meningkatkan SSL melalui:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap bekalan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti persijilan MYGap, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengredan, pembungkusan dan pelabelan.

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

Sungguhpun demikian, Kementerian terus melaksanakan strategi bagi memperbaiki imbalan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016, imbalan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 MAC 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB. DATUK UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

SOALAN :-

YB. Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina satu balai bomba di daerah kecil Sungai Asap.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memohon butiran perolehan tanah untuk pembinaan balai bomba di kawasan Sungai Asap pada tahun 2018 dalam Rancangan Malaysia Ke-11 Rolling Plan Ke-3 . Sekiranya diluluskan, permohonan untuk projek pembinaan balai bomba ini akan dimasukkan bagi tahun 2019. Buat masa ini, di kawasan Parlimen Hulu Rajang telah terdapat dua (2) buah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) iaitu PBS Belaga dan PBS Umo Daro Liling yang boleh memberikan bantuan awal jika terdapat kecemasan di daerah tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
(PASIR PUTEH)**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT menyatakan statistik kes-kes penderaan ke atas

wanita/isteri sejak tahun 2010 sehingga kini dan berapakah kos yang

telah dibelanjakan bagi menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental. Bagi menangani kes-kes keganasan rumah tangga, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) telah digubal pada tahun 1994.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak **4397** kes penderaan ke atas wanita dari tahun 2010 sehingga 2016.

Pecahan kes adalah seperti berikut:

Tahun 2010	-	547 kes
Tahun 2011	-	649 kes

-

Tahun 2012	-	548 kes
Tahun 2013	-	477 kes
Tahun 2014	-	696 kes
Tahun 2015	-	628 kes
Tahun 2016	-	852 kes
Jumlah	-	4397 kes

Antara tindakan yang diambil oleh KPWKM bagi membantu membendung isu keganasan terhadap wanita ialah :

- a) Menyediakan khidmat kaunseling dan psikologi seperti perkhidmatan intervensi kaunseling dan program psikopendidikan yang dijalankan oleh Pegawai Psikologi di JKM, LPPKN atau JPW;
- b) Menjalankan program advokasi dan literasi undang-undang kepada orang awam untuk menyebarkan maklumat berkenaan saluran bantuan dan aduan serta memberi kefahaman berkaitan peruntukan undang-undang seperti Seminar Literasi Undang-Undang (LUU) yang telah dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita pada setiap tahun. Sebanyak **104** program LUU telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2010 sehingga 2016

dengan penglibatan seramai **17,330** orang peserta melibatkan kos sebanyak **RM542,109.40**.

- c) Menjalankan program seminar Wanita Anti Jenayah (WAJA) bagi meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kefahaman di kalangan individu dan masyarakat tanpa mengira jantina mengenai isu keganasan terhadap wanita seperti rogol, cabul kehormatan, keganasan rumah tangga, jenayah siber, gangguan seksual, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Bagi tahun 2012 sehingga 2016, sebanyak **110** program telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan seramai **27,628** orang peserta melibatkan kos sebanyak **RM706,140.70**; dan
- d) Penyediaan perkhidmatan Tempat Selamat kepada mangsa yang disediakan oleh JKM. Bagi tahun 2010 sehingga tahun 2016, sebanyak **RM182,672.00** telah dibelanjakan bagi menanggung kos memberi perlindungan kepada seramai **280** orang mangsa wanita di institusi Tempat Selamat di bawah JKM. Kos ini meliputi makan minum, tempat tinggal, gaji kakitangan, utiliti dan keperluan penghuni seperti, pakaian, ubatan dan barangan penjagaan diri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK WILLIAM
@NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan telah disalurkan kepada kerajaan Sarawak untuk tujuan kegunaan menyukat tanah (perimeter survey) NCR dan berapakah luasnya yang berjaya siap dan diwartakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kerja-kerja pengukuran tanah NCR di Sarawak dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak. Usaha-usaha pengukuran perimeter tanah NCR ini dilaksanakan secara berterusan dengan komitmen untuk memberi hak milik tanah kepada individu yang layak.

Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan bagi pelaksanaan pengukuran tanah NCR Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sebanyak RM83.99 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) pula, siling peruntukan sebanyak RM90 juta telah disediakan bagi meneruskan kerja-kerja pengukuran NCR Sarawak.

Sejak dimulakan sehingga 31 Januari 2017, sejumlah 765,629 hektar tanah telah selesai diukur perimeter dan 610,339 hektar tanah telah diwartakan dan seramai 5,706 individu telah diberi hak milik meliputi 7,649 hektar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (54)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 MAC 2017 [KHAMIS]

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN
ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan peratus pengangguran yang berlaku pada tahun 2016 dan kerangka untuk menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan menyebabkan kadar pengangguran kekal rendah iaitu di bawah 4%. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh sehingga suku tahun keempat 2016 adalah 67.6% dan kadar pengangguran berada pada kadar 3.5% bersamaan dengan 510,800 orang. Kadar pengangguran bagi negara ini adalah stabil antara 3.1% hingga 3.7% semenjak tahun 1990an. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah secara holistik dalam menangani isu pengangguran di peringkat nasional melalui kerangka yang disediakan di dalam Inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 hingga 2020 mengunjurkan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu menjelang tahun 2020. Di dalam

kerangka tersebut Kerajaan memberi tumpuan kepada empat bidang fokus iaitu:

Pertama, Bidang Fokus A iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh di mana Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal ditubuhkan bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang.

Kerajaan turut memberi tumpuan bagi mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Selain itu, penyertaan wanita dalam pasaran buruh akan terus dipertingkatkan. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperluas akses kepada pekerjaan menerusi program 1Malaysia *Support For Housewives* dan *Flexiworklife*. Kaum wanita juga digalakkan untuk menjadi usahawan menerusi program seperti Azam Niaga, *Women Entrepreneurial Incubator* dan 1Nita.

Pada ketika ini, Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia akan memperkenalkan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang merupakan program jaringan keselamatan sosial yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu Insurans Pekerjaan dan Dasar Pasaran Buruh Aktif. Insurans Pekerjaan akan membantu pekerja kehilangan pekerjaan dengan menyediakan bantuan kewangan sementara (*temporary income replacement*) semasa mencari pekerjaan baharu. Manakala Dasar Pasaran Buruh Aktif pula menyediakan bantuan carian pekerjaan (*job search*), penempatan pekerjaan (*job placement*) dan latihan. Bantuan *reskilling* dan *upskilling* membantu pekerja kehilangan pekerjaan memiliki set kemahiran (*skills set*) yang diperlukan oleh industri seterusnya meningkatkan *employability*.

Tuan Yang di-Pertua,

Keduanya, **Bidang Fokus B** iaitu **mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri** di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk mempertingkatkan pengambilan TVET, menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET.

Ketiga, **Bidang Fokus C** iaitu **memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran** bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat, **Bidang Fokus D** iaitu **menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi** melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015. Pelan ini akan menjana lonjakan besar dalam pengoperasian sistem pendidikan tinggi dengan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, bagi menangani isu pengangguran ini, Kerajaan Persekutuan juga melaksanakan program untuk membantu mempertingkatkan kualiti mahasiswa dan program di universiti bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan yang majoritinya tergolong dalam umur belia.

Graduan yang mencari pekerjaan juga turut dibantu, antaranya di bawah Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS), program perantisan, *Bridging Gap Programme* dan latihan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

16 Mac 2017

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 16 MAC 2017

RUJUKAN : 9641

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan penjelasan kepada laporan media pada 2015 yang mendedahkan satu laporan Cawangan Khas yang menyatakan bahawa 80% penguatkuasa sempadan terlibat dalam rasuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberikan perhatian serius serta menjalankan siasatan dalaman melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk menentukan kesahihan dakwaan yang menyatakan bahawa 80 peratus pegawai-pegawai penguatkuasa yang bertugas di kawasan sempadan terlibat dengan rasuah walaupun disahkan terlebih awal TIADA kenyataan sedemikian dikeluarkan oleh Pengarah Cawangan Khas PDRM seperti yang disiarkan dalam akhbar dan media sosial.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT
@ WONG NYUK FOH**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 56

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah prosedur operasi standard (SOP) bagi Maritim Malaysia apabila suatu kecemasan seperti bot karam yang berlaku di perairan Kota Kinabalu pada 28 Januari 2017. Siapa harus bertanggungjawab kepada tragedi tersebut dan apakah pampasan yang akan diberi kepada mangsa-mangsa.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Maritim Malaysia telah mengeluarkan Prosedur Tetap (SOP) Mencari dan Menyelamat yang merupakan panduan utama bagi melaksanakan Operasi Carilamat yang turut merujuk kepada *International Aeronautical and Maritime Search and Rescue Manual (IAMSAR) Vol IV* sebagai panduan utama.

Selain itu, aset-aset dikalangan komuniti maritim seperti kapal, bot, pesawat udara dan sebagainya turut membantu dalam Operasi Carilamat sebagaimana termaktub dalam *Safety of Life at Sea (SOLAS 1974) (Chapter 5)* dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (Seksyen 280).

Sebagaimana Arahan MKN No. 20 perenggan 7, Maritim Malaysia telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi peneraju kepada sebarang kejadian kemalangan atau kecemasan maritim yang melibatkan nyawa dan harta benda di dalam kawasan tanggungjawab Mencari dan Menyelamat Maritim Malaysia (MSRR) yang seluas 894,766 km persegi.

Sehingga kini, tiada pampasan diberikan kepada vesel yang mengalami kemalangan di laut tetapi permohonan boleh dibuat melalui mahkamah sekiranya mendapati kemalangan atau kecemasan maritim disebabkan oleh kecuaiian atau pelanggaran undang-undang oleh mana-mana pihak terbabit.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 16.3.2017

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai *home schooling* di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep *home schooling* merupakan konsep pembelajaran di rumah. Pembelajaran *home schooling* dilaksanakan berpandukan punca kuasa Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14 Tahun 2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003. Kaedah persekolahan ini hanyalah satu keistimewaan dan bukannya hak. Ibu bapa atau penjaga perlu memohon pengecualian daripada mengikuti pendidikan wajib dan menjalankan *home schooling* dengan Kementerian Pendidikan. *Home schooling* bertujuan untuk:

1. memberi peluang kepada kanak-kanak yang menghadapi masalah kesihatan yang kronik dan memerlukan penjagaan yang rapi oleh ibu bapa untuk mendapat pendidikan formal di rumah;

2. memastikan tidak berlaku keciciran kepada kanak-kanak untuk memperoleh pendidikan wajib seperti yang termaktub di bawah Akta Pendidikan 1996; dan
3. mendidik ibu bapa supaya menjalankan tanggungjawab mereka untuk menyekolahkan anak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persekolahan biasa adalah diutamakan kepada kanak-kanak yang merupakan cara terbaik bagi kanak-kanak untuk berinteraksi antara satu sama lain.

RJM50

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Malaysian Timber Certification Council (MTCC) telah berjaya melaksanakan prinsip dan syarat yang digariskan didalam 'Sustainable Forest Management Plan'. Sekiranya Ya, pohon penjelasan lanjut bagaimana ianya dilaksanakan

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pensijilan Pengurusan Hutan merupakan satu aktiviti yang penting di peringkat antarabangsa, khususnya dalam perdagangan produk kayu-kayan. Pelaksanaan Pensijilan Pengurusan Hutan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah secara sukarela bagi menzahirkan komitmen murni terhadap kepentingan pengekalan sumber hutan negara, terutamanya bagi kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB).

Majlis Pensijilan Kayu Malaysia (MTCC) adalah merupakan organisasi bebas yang bertanggungjawab untuk membangun dan mengendalikan Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS). Skim MTCS ini memperuntukan penilaian bebas ke atas amalan pengurusan hutan secara berkekalan bagi hutan asli dan ladang hutan di Malaysia berdasarkan standard *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)* dan *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Plantation Management Certification (MC&I Forest Plantation v2)*.

Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest) mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2012. Sehingga kini enam (6) Forest Management Unit (FMU) iaitu negeri Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu telah dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan sehingga tahun 2019 melibatkan kawasan HSK seluas 3.81 juta hektar.

Tujuan utama pelaksanaan MTCS ialah:

- (i) menggalakkan amalan pengurusan hutan secara berkekalan di Malaysia melalui pensijilan pengurusan hutan; dan
- (ii) membolehkan industri kayu mengeluarkan dan mengeksport produk-produk kayu yang dianugerahkan pensijilan MTCS untuk memenuhi keperluan pasaran antarabangsa melalui pensijilan *Chain of Custody* (CoC).

Proses pensijilan kayu adalah bertujuan untuk memastikan supaya kawasan hutan negara diurus secara berkekalan. Konservasi biodiversiti adalah salah satu matlamat dan peranan utama dalam standard pengurusan hutan iaitu '*Malaysian Criteria and Indicators (MC&I) for Forest Management Certification*'.

Aspek-aspek konservasi biodiversiti dan pemeliharaan hidupan liar turut diberi perhatian semasa perancangan dan pelaksanaan pengurusan hutan seperti berikut:

- (i) usaha yang diambil oleh FMU untuk mengenalpasti dan memelihara spesis flora dan fauna yang dikategorikan sebagai dalam bahaya, jarang ditemui dan terancam (*rare, threatened and endangered*);
- (ii) penandaan dan pemeliharaan pokok-pokok perlindungan semasa pembalakan;

- (iii) pelaksanaan prosedur pemantauan hidupan liar selepas pembalakan; dan
- (iv) pelaksanaan program kesedaran tentang konservasi biodiversiti kepada pekerja-pekerja hutan dan komuniti tempatan.

Berhubung perkara ini, aktiviti pembalakan yang mengguna pakai teknologi penebangan mesra alam seperti *long haulage cable system* dan *log fisher harvesting system* yang digalakkan di bawah MTCS telah memantapkan lagi usaha konservasi melalui pengurangan kesan kerosakan pembalakan ke atas alam sekitar. Aspek-aspek lain dalam pemeliharaan biodiversiti seperti penanaman kawasan-kawasan lapang seperti matau dan lorong penarik, larangan penggunaan racun dan bahan-bahan kimia serta keperluan untuk membuat kajian penganalisaan dan pemantauan perubahan sifat-sifat biodiversiti di sesuatu kawasan hutan sebelum dan setelah pembalakan juga diberi penekanan.

Pelaksanaan MTCS juga membantu dalam mengenalpasti keperluan kajian lanjut berkaitan pengurusan hutan secara berkekalan, menyokong pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara berkaitan *Central Forest Spine* (CFS) serta pelan konservasi hidupan liar seperti Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan dan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat atau **MAYANG** masih berfungsi dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada badan tersebut setiap tahun.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui kertas Jemaah Menteri bertarikh 13 Julai 2005 telah mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat (MAYANG) Kawasan Parlimen di seluruh negara. Penubuhan MAYANG adalah satu usaha *reaching out to the community* oleh KPWKM untuk menggembelngkan semua pihak di peringkat akar umbi, khususnya pemimpin tempatan dan masyarakat setempat dalam usaha menangani isu-isu berkaitan kebajikan dan pembangunan masyarakat.

Fungsi MAYANG adalah seperti berikut:

- 1.1 Membantu pihak Kerajaan dalam mengenalpasti isu kebajikan dan pembangunan masyarakat di peringkat kawasan Parlimen serta mencadangkan tindakan penyelesaiannya;

- 1.2 Membantu pihak Kerajaan mempercepatkan proses penyampaian bantuan kepada mereka yang memerlukan di peringkat Kawasan Parlimen melalui Bantuan Segera Persekutuan Kawasan Parlimen (BSKP);
- 1.3 Memberi nasihat mengenai program-program kebajikan dan pembangunan masyarakat serta program pencegahan, intervensi awal dan pemulihan yang perlu diberikan keutamaan;
- 1.4 Bertindak sebagai pakar rujuk dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat di peringkat kawasan Parlimen;
- 1.5 Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program dan aktiviti mengikut perancangan yang ditetapkan di kawasan Parlimen;
- 1.6 Membantu mengembleng NGOs, sektor korporat dan swasta untuk bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjayakan program aktiviti yang telah dikenalpasti; dan

- 1.7 Bertukar dan berkongsi maklumat serta idea di antara ahli Jawatankuasa MAYANG dengan kawasan Parlimen lain.

Bagi memastikan Ahli Parlimen dan pemimpin tempatan yang dilantik dapat membantu JKM menangani isu kebajikan dan membantu klien dengan serta merta, sejumlah peruntukan telah disalurkan di bawah peruntukan Bantuan Segera Kawasan Parlimen (BSKP) berjumlah **RM50,000 dan RM20,000** setahun mengikut kawasan Parlimen tertentu. Penyaluran peruntukan ini adalah selaras dengan kelulusan kertas Jemaah Menteri pada 20 Oktober 2004 dengan menggunakan peruntukan tahunan JKM di bawah OS 071200 (Bantuan Lain-Lain). Peruntukan tersebut boleh digunakan bagi pemberian sekaligus (one-off) oleh Pengerusi MAYANG bagi tujuan berikut:-

- 3.1. Bantuan kepada pesakit kronik – kadar maksimum RM500.00;
- 3.2. Mangsa bencana / kemalangan – kadar maksimum RM200.00;
- 3.3. Kematian – kadar maksimum RM300.00;
- 3.4. Terdampar – kadar maksimum RM200.00;

- 3.5. Membaiki rumah akibat bencana alam – kadar maksimum RM500.00; dan
- 3.6. Keluarga miskin – kadar maksimum RM200.00.

Jumlah peruntukan Mayang bagi tahun 2010 adalah sebanyak **RM11.1 juta**, tahun 2011 sebanyak **RM11.1 juta**, tahun 2012 sebanyak **RM11.1 juta**, tahun 2013 sebanyak **RM6.7 juta**, dan tahun 2014 juga sebanyak **RM6.7 juta**.

Walau bagaimanapun, mulai tahun 2015, 2016 dan 2017, JKM tidak lagi menyalurkan peruntukan berkenaan kepada akaun MAYANG memandangkan tiada lagi peruntukan diterima dari Kementerian Kewangan bagi tujuan tersebut. Keadaan tersebut juga menyebabkan pelantikan semula Pengerusi MAYANG tidak dilaksanakan bagi tahun 2015 dan 2016.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : KHAMIS, 16 MAC 2017

RUJUKAN : L5 [PR-1351-L00719]

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan sebab DBKL hanya membenarkan 10 kontraktor perangkap gris untuk berdaftar menjalankan perkhidmatan kepada restoran di Kuala Lumpur. Bilakah DBKL akan membenarkan lebih kontraktor perangkap gris untuk membentangkan permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, pemilihan kontraktor perangkap gris oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah berdasarkan penilaian prestasi perkhidmatan penyelenggaraan ke atas 98 perangkap minyak komunal yang dibina di pusat penjaja DBKL dalam Komponen Pembersihan Sungai bagi Projek *River of Life*. Kontraktor-kontraktor didapati berkemampuan dari aspek tenaga kerja, logistik dan peralatan serta menepati syarat-syarat pelupusan sisa *brown grease* untuk dikitar semula. Selain itu, kontraktor ini juga menepati syarat yang ditetapkan di bawah Arahan Kewangan dan Perolehan sedia ada DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh juga, tujuan projek ini adalah untuk mengurangkan pencemaran kualiti air sungai dari lemak, gris minyak serta sisa makanan akibat buangan dari premis makanan. Keberkesanan projek ini ditentukan dari prestasi perkhidmatan kontraktor.

Projek ini akan disemak semula pada hujung tahun 2017 sama ada kontraktor penyelenggaraan perlu ditambah bilangan, senarai kontraktor sedia ada ditambah atau dibatalkan berdasarkan prestasi perkhidmatan bergantung kepada pencapaian kualiti air sungai ke Class 2B.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 16 MAC 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

SOALAN :-

YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa penganugerahan kontrak pembinaan projek East Coast Rail Line kepada syarikat atau Kerajaan Negara China tidak dibuat secara tender terbuka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, East Coast Rail Link (ECRL) merupakan projek infrastruktur yang penting bagi Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Pelaksanaan ECRL akan menjadi pemangkin transformasi untuk negeri-negeri pantai Timur di Semenanjung dan bakal merangsangkan lagi pertumbuhan sosio ekonomi, serta memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Projek ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (Request of Information - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Menerusi RFI, Kerajaan telah menerima respon daripada 27 kumpulan dari 5 negara yang berbeza termasuk Korea, China, Australia, Amerika Syarikat dan Eropah yang berminat untuk

melaksanakan projek ini. Melalui kajian ini, spesifikasi teknikal termasuklah indikatif terhadap kos telah ditentukan.

Justeru, semasa lawatan rasmi delegasi Malaysia ke Republik Rakyat China (RRC) pada hujung Oktober 2016, beberapa perkara telah dibincangkan bagi meningkatkan pelaburan dan juga kerjasama bilateral berterusan dengan Kerajaan China. Dalam rundingan itu, kedua-dua Kerajaan telah mencapai kata sepakat supaya projek ECRL ini dilaksanakan sebagai inisiatif projek Government-to-Government (G2G) antara Kerajaan China dan Malaysia.

Selain itu dan mustahak untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan China turut mengemukakan tawaran pakej kewangan yang menarik dan memberi kelebihan kepada Malaysia. Bagi membolehkan Malaysia mendapat terma kewangan yang terbaik ini, dalam rundingan G2G berkenaan, syarikat pembinaan terbesar milik Negara China iaitu China Communications Construction Company (CCCC) telah dinominasi oleh Kerajaan negara China untuk melaksanakan projek ECRL dengan kos RM55 bilion.

CCCC adalah syarikat rekacipta dan pembinaan terbesar di China dan majoriti sahamnya dimiliki dan dikawal oleh kerajaan China. CCCC juga mempunyai rekod yang baik dalam projek-projek pembinaan besar termasuk di Malaysia. Dengan komitmen dan prestasi syarikat berkenaan membrasangkan, bukan sahaja di Malaysia, Kerajaan yakin syarikat ini boleh memberikan hasil yang terbaik dan menyiapkan projek ECRL dalam tempoh yang bersesuaian dengan skala projek tersebut.

Dengan kerjasama yang dimerterai ini, persahabatan dan hubungan erat dengan Negara China yang merupakan antara rakan dagangan terbesar Malaysia dapat diperkukuhkan lagi. Pelaksanaan projek ini juga akan memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, *value for money* dan boleh dirasai oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

16 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 62

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah syarikat penerbangan antarabangsa yang beroperasi di *Kuching International Airport*. Senaraikan secara terperinci, nama syarikat berserta dengan "*flight schedule*" serta secara terperinci kos-kos serta jenis kos yang akan dikenakan terhadap syarikat tersebut. Nyatakan jika ada, insentif mahupun perjanjian yang wujud bagi menggalakkan operasi tersebut. Apakah sebab utama Hong Kong Airline membatalkan operasi mereka dalam jangka masa kurang daripada setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat sebanyak 9 penerbangan antarabangsa seminggu secara terus yang disediakan oleh 2 syarikat penerbangan asing ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Senarai operasi syarikat penerbangan asing tersebut adalah seperti berikut:

Syarikat Penerbangan	Laluan (vw)	Kekerapan (seminggu)
SilkAir	Singapura – Kuching	4 kali
XpressAir	Pontianak – Kuching	5 kali

Untuk makluman Yang Berhormat, antara kos-kos yang akan dikenakan kepada syarikat penerbangan adalah seperti Caj Pendaratan, Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC), Caj Penempatan dan Parkir dan *Aeronautical Navigation Fees and Charges* (ANFC). Butiran caj-caj yang dikenakan tersebut adalah seperti di dalam Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Caj Perkhidmatan Penerbangan) 2016, Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Caj Perkhidmatan Penerbangan) (Pindaan) 2016 dan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016.

Caj Kaunter *Check-In* dan *Passenger Loading Bridge Fee* pula adalah antara contoh caj lain yang dikenakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada syarikat penerbangan. Butiran kos berkenaan adalah seperti berikut:

(i) Caj Kaunter Check-In:

Jumlah Penumpang	Caj (RM)
1-30	26.00
31-70	31.25
71-130	36.50
131-200	41.75
201-300	47.00
>300	57.50

(ii) Passenger Loading Bridge Fee:

Jam	Caj (RM)
3 Jam Pertama	85.00
Jam Seterusnya	RM30.00/jam

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara terutama ke Sarawak dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- (ii) memasukkan bandar-bandar di Sarawak sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*.

Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

- (iii) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke bandar-bandar utama Sarawak oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Walau bagaimanapun, rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sarawak adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Hong Kong Airlines telah menamatkan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Hong Kong-Kuching vv pada 25 Februari 2017 yang lalu. Walau bagaimanapun, Hong Kong Airlines tidak memaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan sebab penamatan perkhidmatan tersebut. Namun demikian, Hong Kong Airlines dan Kementerian Pelancongan Sarawak bersama pihak MAHB masih mengadakan perbincangan dan kajian untuk terus membangunkan laluan udara ke Kuching di masa yang terdekat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 63

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kematian akibat kemalangan jalanraya pada tahun 2010 hingga 2016 dan adakah Kerajaan akan menghapuskan Ujian Berkomputer kepada calon-calon yang memohon lesen memandu kerana ujian ini mahal dan tidak membantu mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik laporan kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kematian akibat kemalangan pada tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
BILANGAN	6872	6877	6917	6915	6674	6706	7152

Berdasarkan statistik laporan kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh PDRM tersebut, adalah jelas menunjukkan keperluan untuk memberi fokus kepada bakal-bakal pemandu dan penunggang dari segi penerapan nilai keselamatan jalan raya di mana sistem ujian yang digubal di bawah pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) baharu bertujuan untuk menguji semua hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Oleh itu, kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem ujian berkomputer yang telah dilaksanakan memandangkan negara lain seperti United Kingdom, Singapura, China, Korea dan Jepun juga menggunakan sistem ujian berkomputer dalam program pelesenan pemandu mereka. Kerajaan yakin keupayaan sistem pendidikan pemandu yang ditambahbaik dari semasa ke semasa mampu menjadi asas, pentas dan pemangkin bagi mendokong segala program yang boleh membawa kepada perubahan yang diinginkan kepada tingkahlaku, kemahiran dan sikap pemandu untuk keselamatan di jalan raya. Tanpa program pendidikan pemanduan yang berkesan dan berterusan, langkah

pencegahan lain akan menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan sasaran keselamatan jalan raya yang diinginkan.

Kerajaan pada September 2014 juga telah menetapkan kadar siling bagi memperolehi lesen memandu sebagai langkah kawalan harga. Melalui kawalan siling tersebut, orang ramai akan dapat membuat pilihan untuk mendapatkan kemudahan latihan di institut-institut memandu yang menawarkan yuran munasabah selain kualiti perkhidmatan yang baik. Kadar siling yang ditetapkan tersebut telah dikaji mengambil kira kadar yang bersesuaian berdasarkan harga pasaran semasa selain komitmen penambahbaikan kurikulum pemandu yang telah dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Kee [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk mengawal selia tambang yang dikenakan oleh Uber dan Grab serta mengenakan tambang minima, demi melindungi pendapatan para pemandu dan memastikan persaingan yang adil dengan teksi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah memberi peluang kepada pemandu teksi untuk terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.
4. Melalui cara ini, pemandu teksi akan mempunyai lebih pilihan cara untuk mendapatkan penumpang. Pemandu teksi boleh

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah memberi peluang kepada pemandu teksi untuk terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.
4. Melalui cara ini, pemandu teksi akan mempunyai lebih pilihan cara untuk mendapatkan penumpang. Pemandu teksi boleh

beroperasi dengan lebih fleksibel dan turut berpeluang untuk menawarkan kadar tambang yang sama seperti yang diperolehi oleh pemandu perkhidmatan *e-hailing* yang lain seperti Uber dan Grab.

5. Kerajaan juga yakin bahawa inisiatif-inisiatif lain yang diperkenalkan dalam TITP termasuk mengawal selia aplikasi *e-hailing* sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, pengeluaran lesen individu kepada pemandu teksi yang layak, pemberian geran wang tunai kepada pemandu yang telah tamat kontrak dalam sistem pajak sebagai bayaran pendahuluan (*downpayment*) untuk mereka membeli kenderaan teksi yang baru, membuka pilihan model kenderaan untuk kegunaan teksi dan memperkenalkan program bagi meningkatkan prestasi pemandu teksi akan dapat memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN
JUSI [BATU PAHAT]**

TARIKH : 16 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah golongan muda muflis, jumlah modal terlibat, kenapa ianya berlaku dan apakah rancangan dan langkah-langkah bagi menangani gejala tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), dari tahun 2013 hingga 2016 menunjukkan seramai 82,383 orang telah diisytiharkan muflis. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,891 orang adalah golongan muda berusia di bawah 34 tahun.

Lima (5) faktor utama kebangkrapan golongan muda ialah sewa beli kenderaan iaitu 7,146 orang (34.21%) diikuti dengan pinjaman peribadi sebanyak 6,569 orang (31.44%), pinjaman perumahan sebanyak 2,878 orang (13.78%), pinjaman perniagaan sebanyak 1,697 orang (8.12%) dan kad kredit sebanyak 959 orang (4.59%).

Faktor-faktor lain yang menyebabkan golongan muda muflis ialah penjamin sosial sebanyak 876 orang (4.19 %), penjamin korporat sebanyak 324 orang (1.55%), lain-lain hutang sebanyak 323 orang (1.55%), cukai pendapatan sebanyak 82 orang (0.39%), pinjaman pelajaran sebanyak 22 orang (0.11%), caruman majikan (KWSP) sebanyak 11 orang (0.05%) dan perkhidmatan sebanyak 4 orang (0.02%).

Kerajaan maklum bahawa faktor utama yang menyebabkan golongan muda terlibat dalam keberhutangan yang serius disebabkan oleh perancangan kewangan yang lemah selain kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Agensi

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan pelbagai program kesedaran berkaitan kebangkrapan terutamanya implikasi kebangkrapan kepada semua supaya dapat menangani masalah ini di peringkat awal lagi. Pada masa yang sama, AKPK menyediakan khidmat nasihat secara percuma untuk membantu golongan tersebut menguruskan kewangan mereka dengan lebih teratur.

Selain itu, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) turut merancang untuk meluaskan jaringan hubungan kerjasama dengan badan berkanun dan badan bukan Kerajaan melalui penganjuran Hari Bersama Mdl, *Consultative Meeting* bersama Rakan-Rakan Strategik Mdl, Aktiviti CSR yang dijalankan di cawangan-cawangan Mdl dan program jerayawara yang akan menyasarkan orang awam bagi meningkatkan kesedaran akan masalah keberhutangan yang serius.

Ketika ini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang yang telah diisytiharkan bankrap dapat keluar dari kebangkrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim perkiraan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan berhasrat memperkenalkan peruntukan alternatif (melalui pindaan Akta 360) sebelum perintah kebangkrapan diberikan oleh mahkamah yang mana penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pemiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti perkiraan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement – IVA*). Alternatif ini diharapkan dapat mengurangkan kes kebangkrapan di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 telah membuat Bacaan Kali Yang Pertama pada 21 November 2016 dan akan melalui Bacaan Kedua pada sidang kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan pelbagai program kesedaran berkaitan kebangkrapan terutamanya implikasi kebangkrapan kepada semua supaya dapat menangani masalah ini di peringkat awal lagi. Pada masa yang sama, AKPK menyediakan khidmat nasihat secara percuma untuk membantu golongan tersebut menguruskan kewangan mereka dengan lebih teratur.

Selain itu, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) turut merancang untuk meluaskan jaringan hubungan kerjasama dengan badan berkanun dan badan bukan Kerajaan melalui penganjuran Hari Bersama Mdl, *Consultative Meeting* bersama Rakan-Rakan Strategik Mdl, Aktiviti CSR yang dijalankan di cawangan-cawangan Mdl dan program jerayawara yang akan menyasarkan orang awam bagi meningkatkan kesedaran akan masalah keberhutangan yang serius.

Ketika ini, Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*] memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang yang telah diisytiharkan bankrap dapat keluar dari kebangkrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim perkiraan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan berhasrat memperkenalkan peruntukan alternatif (melalui pindaan Akta 360) sebelum perintah kebangkrapan diberikan oleh mahkamah yang mana penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pemiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti perkiraan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement – IVA*). Alternatif ini diharapkan dapat mengurangkan kes kebangkrapan di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Kebankrapan (Pindaan) 2016 telah membuat Bacaan Kali Yang Pertama pada 21 November 2016 dan akan melalui Bacaan Kedua pada sidang kali ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 66

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Dego Ride tidak dibenarkan untuk beroperasi tanpa kelulusan manakala GrabCar dibenarkan beroperasi sementara masih menunggu SPAD menyediakan panduan dan pindaan undang undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pengangkutan tidak membenarkan Dego Ride beroperasi adalah kerana faktor keselamatan penunggang dan pembonceng. Mengikut statistik tahun 2016, lebih kurang 62 peratus daripada lebih kurang 7,152 jiwa yang terkorban di atas jalan raya adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Mengikut analisa yang dijalankan oleh MIROS, risiko pengguna motosikal untuk terlibat dalam kemalangan maut dan kemalangan yang mengakibatkan cedera parah adalah 42.5 kali lebih tinggi daripada bas dan 16 kali lebih tinggi daripada kereta. Penggunaan Dego Ride akan mengakibatkan lebih ramai pengguna jalan raya terdedah kepada risiko kemalangan maut dan kecederaan parah. Oleh itu atas faktor-faktor keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal, maka Kementerian Pengangkutan telah memutuskan agar tidak membenarkan Dego Ride beroperasi di jalan raya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 16 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 67

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]
minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-**

- a) apakah Kementerian mempunyai statistik mengenai berapa peratus pemandu kenderaan di negara ini yang memandu tanpa memiliki lesen memandu dan berapa peratus pula yang mempunyai isu dengan pihak berkuasa kerana kesalahan jalan raya tetapi masih memandu; dan
- b) apakah Kementerian sedar bahawa kos untuk mendapatkan lesen memandu jauh dari kemampuan kebanyakan rakyat khususnya anak muda dan golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, sebanyak 328,161 kesalahan telah direkodkan berkaitan lesen memandu yang mana 2,871 kes adalah melibatkan kesalahan memandu tanpa lesen (pesalah di bawah umur). Manakala sehingga September 2016, sebanyak 231,788 kesalahan telah direkodkan berkaitan lesen memandu yang mana 865 kes adalah melibatkan kesalahan memandu tanpa lesen (pesalah di bawah umur).

Berkenaan dengan kos pengambilan lesen, Program Satu Komuniti 1JPJ (SKSJ) yang dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diperkenalkan bagi memberi peluang kepada orang ramai yang kurang mahir dalam penggunaan komputer termasuklah penduduk luar bandar dan warga emas untuk mendapatkan lesen memandu. Melalui Program SKSJ ini, kos bagi mendapatkan lesen memandu bagi setiap calon adalah dianggarkan tidak melebihi RM200. Sejak 2009 sehingga Januari 2017, sebanyak 265 program SKSJ telah dilaksanakan dan telah berjaya melesenkan seramai 117,068 peserta.

Selain itu, JPJ dengan kerjasama Institut Memandu melaksanakan program *myLesen* yang merupakan satu usaha dan komitmen berterusan kerajaan bagi membantu rakyat terutama pelajar sekolah untuk mendapatkan lesen memandu pada kadar diskaun iaitu tidak melebihi kadar siling RM299.00. Program yang dilancarkan pada 15 September 2015 telah berjaya mendaftar seramai 140,008 peserta di mana 77,044 (55%) telah berjaya mendapat lesen memandu

percubaan (PDL) kelas B2 motosikal. Baki peserta program adalah dalam proses latihan dan ujian yang ditetapkan.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengkaji semula struktur kadar yuran pembelajaran dan latihan pemanduan di Institut Memandu (IM) di mana kadar siling yuran telah ditetapkan oleh Kerajaan. Kawalan siling ini adalah berdasarkan penilaian yang dibuat secara terperinci dan munasabah iaitu dengan mengambil kira keperluan untuk menghasilkan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah melalui latihan teori dan amali.

Berdasarkan kawalan harga siling yang ditetapkan, adalah diperhatikan kos pengambilan lesen bukanlah faktor utama golongan remaja terutama pelajar menunggang tanpa lesen tetapi lebih kepada sikap dan tahap kesedaran mereka mengenai keperluan pematuhan undang-undang jalan raya, bahaya menunggang tanpa lesen serta kepentingan keselamatan diri semasa di jalan raya yang perlu ditangani melalui program advokasi dan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 16 MAC 2017 [Pertanyaan 22(5)]

RUJUKAN : 9819

SOALAN:

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status repot polis bernombor **DANG WANGI/003253/17** berhubung dakwaan seorang Menteri bahawa orang melayu tidak dipedulikan di Pulau Pinang dan cara pembangunan di Pulau Pinang adalah untuk satu-satu kaum sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait **Dang Wangi Repot 3253/17** berhubung kenyataan oleh seorang Menteri yang mencadangkan “Pulau Pinang menjadi Wilayah Persekutuan kerana orang Melayu tidak dipedulikan” yang disiarkan oleh portal Malaysiakini pada 4 Februari 2017. Pengadu mendakwa kenyataan tersebut berbau hasutan dan tidak berasas. PDRM masih meneruskan siasatan berkaitan perkara ini.